



# DASAR EKONOMI PENJAGAAAN NEGERI SELANGOR

**2024 - 2030**



JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA,  
KEBAJIKAN MASYARAKAT & EKONOMI PENJAGAAAN (CARE ECONOMY)

# Kandungan

## Komitmen Kerajaan Negeri Selangor — 3

**01**

### Pengenalan — 4

- 1.1. Ekonomi Penjagaan 5
- 1.2. Tanggungjawab Bersama 8
- 1.3. Segmen Sasaran di Dalam Ekonomi Penjagaan 10

**02**

### Ekonomi Penjagaan Di Negeri Selangor — 20

- 2.1. Senario Semasa: Keperluan Penjagaan (Permintaan) 21
- 2.2. Senario Semasa: Ketersediaan Penjagaan (Penawaran) 24
- 2.3. Dasar dan Perundangan di Peringkat Persekutuan 28
- 2.4. Isu dan Cabaran Utama Penjagaan 32

**03**

### Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor (2024 – 2030) — 40

- 3.1. Keperluan Kepada Dasar 41
- 3.2. Objektif Pembangunan Dasar 42
- 3.3. Visi dan Misi 43
- 3.4. Teras Pelan Tindakan DEPNS 43

**04**

### Pendigitalan Ekonomi Penjagaan — 60

- 4.1. Data Ekonomi Penjagaan 61
- 4.2. Portal Analitikal, Eksplorasi & Pemerhatian 68
- 4.3. Adaptasi Teknologi & Inovasi : PortalBot – Gen-AI Chatbot 71

## Rujukan — 73



# Komitmen Kerajaan Negeri Selangor



Ekonomi Penjagaan ini bukan sahaja melibatkan ataupun merupakan tugas wanita sama ada ibu ataupun jururawat tetapi wajar melibatkan seluruh masyarakat melalui '*whole of Selangor approach*'.

Kita harus memikul tanggungjawab mencari solusi secara '*end-to-end*' dan mewujudkan ekosistem yang mampan selaras dengan komitmen utama Kerajaan Negeri dalam Rancangan Selangor Pertama.

**YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**  
YAB Dato' Menteri Besar Selangor



Kita ingin mengiktiraf sektor penjagaan sebagai salah satu penyumbang kepada ekonomi negeri. Hasrat ini hanya akan dapat dilaksanakan jika kita memikul tanggungjawab penjagaan secara bersama antara kerajaan, individu, keluarga, pemain industri dan semua pihak dalam masyarakat.

**YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI**  
EXCO Pembangunan Wanita & Kebajikan Masyarakat



---

# Pengenalan



## 1.1. Ekonomi Penjagaan

Penjagaan merujuk kepada sebarang usaha yang membantu dalam memenuhi keperluan asas fizikal dan emosi individu, keluarga dan masyarakat. Selaras dengan itu, dari perspektif ekonomi, sektor Ekonomi Penjagaan merangkumi penawaran (*supply*) dan permintaan (*demand*) terhadap **rangkaian penyediaan perkhidmatan** produk penjagaan dan pelbagai **khidmat** produktif yang memberikan penjagaan ‘langsung’ dan ‘tidak langsung’ kepada mereka yang memerlukan penjagaan; terutamanya bagi kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan pesakit.

Seperti yang dinyatakan dalam definisi penjagaan di atas, konsep penjagaan ini tidak harus terhad kepada penjagaan fizikal seperti makan minum dan ubat-ubatan, malah merangkumi produk atau khidmat yang menyumbang ke arah kesejahteraan psikologi, intelektual, spiritual dan sosial seseorang individu.

Objektif utama penjagaan adalah untuk memastikan setiap individu mendapat ‘penjagaan yang betul pada masa yang betul dan di tempat yang betul’ (***the right care, at the right time and at the right place***) tanpa mengira pangkat dan wang.

Objektif utama penjagaan untuk **memastikan setiap individu mendapat penjagaan yang berkualiti, pada masa yang tepat dan di tempat yang betul.**

Pada tahun 2023, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menetapkan 29 Oktober sebagai Hari Penjagaan dan Sokongan Antarabangsa. Keputusan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan Ekonomi Penjagaan dalam masyarakat, terutamanya dengan tren penuaan global masa kini. Di seluruh dunia, terdapat hampir 380 juta orang bekerja dalam pelbagai jenis khidmat penjagaan (kesihatan, pendidikan dan penjagaan khusus) dan diunjurkan angka ini akan meningkat dengan ketara pada masa hadapan apabila keperluan kepada penjagaan meningkat.

Mereka yang memerlukan penjagaan datang dari semua peringkat umur. Oleh kerana saiz keluarga yang semakin mengecil, boleh dikatakan hampir setiap isi rumah menghadapi isu-isu penjagaan. Warga emas, kanak-kanak dan orang kurang upaya kekal di seluruh dunia bergantung kepada keluarga atau institusi kebajikan untuk menjaga mereka. Ditambah pula dengan kesan komplikasi penyakit tidak berjangkit (NCDs) dan penyakit mental yang semakin meruncing. Hampir semua keluarga terpaksa menghadapi pelbagai cabaran terutama dari segi masa serta kewangan bagi memastikan ahli keluarga mereka mendapat penjagaan yang baik.

Bagi individu yang terlibat dalam penjagaan dan pada masa yang sama bekerja (dengan majikan atau perniagaan sendiri), kesan ke atas prestasi kerja adalah ketara, sebagaimana Rajah 1. Kesan ini selanjutnya akan memberi




Rajah 1. Kesan Kepada Prestasi Organisasi

impak kepada ekonomi sesebuah negara dari sudut kewangan, produktiviti dan kualiti kesejahteraan masyarakat.

Kerja penjagaan sering dianggap sebagai tanggungjawab semula jadi wanita dan kanak-kanak perempuan. Anak perempuan biasanya bertanggungjawab ke atas semua aspek penjagaan praktikal (mencuci pakaian, mengemas rumah, penyediaan makanan) serta bantuan peribadi (berbual, memberi nasihat dan mendengar keluhan masalah). Manakala anak lelaki selalunya lebih kepada memberi bantuan material (bantuan kewangan, keperluan rumah, pengangkutan dan sebagainya).

Pengagihan tanggungjawab yang tidak seimbang ini boleh mengakibatkan wanita yang menjaga ahli keluarga mereka mengalami kos melepas (*opportunity cost*) dalam bentuk gaji dan peluang yang tidak diperolehi.

Antara ukuran ketidaksamaan jantina dalam ekonomi yang kerap digunakan ialah Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB). Di Selangor KPTB wanita ialah 69.9% iaitu antara yang tertinggi berbanding negeri lain di Malaysia Namun, apabila dibandingkan dengan KPTB lelaki di Selangor, iaitu 83.5%, jurang KPTB antara lelaki dan wanita di negeri ini menjadi isu yang



Jurang Kadar Penyertaan Tenaga Buruh di Selangor

membimbangkan. Ini bermakna potensi wanita di Selangor untuk menyumbang kepada ekonomi dan pendapatan isi rumah tidak dapat direalisasikan sepenuhnya. Hal ini amat ketara kerana (i) pencapaian akademik wanita adalah setanding dengan lelaki, dan (ii) wanita mewakili 46.9% daripada keseluruhan populasi di Negeri Selangor.

Rajah 2 menunjukkan perbezaan jenis kerja antara lelaki dan wanita.

Berbanding lelaki, wanita lebih ramai terlibat sebagai pekerja keluarga tidak berbayar. Ramai wanita yang berhenti kerja disebabkan ingin mengurus dan menjaga ahli keluarga.

Tanpa alternatif Ekonomi Penjagaan yang baik, tanggungjawab penjagaan akan terus diletakkan kepada golongan wanita sama ada sebagai penjaga sepenuh masa atau wanita yang berkerjaya sehingga menyebabkan kebajikan mereka terjejas.



Rajah 2. Perbezaan Jenis Kerja antara Lelaki dan Wanita, Malaysia

## Beban Berganda Wanita

Beban berganda bermaksud ramai wanita bekerja sepenuh masa tetapi menanggung tanggungjawab kerja domestik dan penjagaan.

Kerangka Ekonomi Madani menetapkan penanda aras supaya kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh ditingkatkan kepada 60 peratus daripada kini iaitu 55.6%.



- Tidak bekerja
- Bekerja sambilan atau tidak formal
- Bekerja di peringkat operasi dan berjawatan rendah
- Membayar orang lain



## 1.2 Tanggungjawab Bersama

Ekonomi Penjagaan yang tidak komprehensif dan inklusif akan menyebabkan kesan negatif kepada setiap peringkat kerajaan dan masyarakat. Sebaliknya, Ekonomi Penjagaan yang sihat dan berkembang baik akan membuahkan hasil yang positif dan menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) negara.

Ekonomi Penjagaan sebagai satu sektor permintaan dan penawaran (*demand and supply*) produk dan khidmat mampu menjana pendapatan dan pekerjaan yang inklusif. Ini seterusnya menyumbang kepada pelbagai matlamat SDG termasuk:



SDG1 - Pembasmian Kemiskinan



SDG2 - Mengakhiri Kelaparan




SDG3 - Kesihatan Yang Baik & Kesejahteraan



SDG4 - Pendidikan Berkualiti



SDG5 - Kesaksamaan Gender



SDG8 - Pekerjaan Yang Baik & Pertumbuhan Ekonomi




SDG10 - Mengurangkan Ketaksaksamaan

Agenda 2030 menyeru agar pembangunan dan pengukuhan dasar berkaitan perkhidmatan penjagaan perlu dilakukan berasaskan pengiktirafan hak untuk penjagaan (*rights for care*) dan reka bentuk sistem penjagaan komprehensif dari sudut pandang jantina, titik temu (*intersectionality*), budaya setempat dan hak asasi manusia. Keperluan kepada penjagaan yang lebih berkualiti dan inklusif mewajibkan tanggungjawab penjagaan diagihkan semula dan dilihat sebagai sebuah tanggungjawab bersama.

**Pengagihan semula (*Redistribution*) kerja penjagaan bermakna tanggungjawab penjagaan harus dikongsi antara**

- antara wanita dan lelaki dalam keluarga,
- antara kalangan ahli keluarga dan komuniti,
- antara institusi kerajaan dan pihak swasta.

Perkongsian tanggungjawab dapat digambarkan melalui rajah 'Care Diamond' di bawah. Ekonomi Penjagaan dalam masyarakat merangkumi penjagaan berbayar dan tidak berbayar merentasi pelbagai kumpulan dalam masyarakat.



Rajah 3. Model Diamond Penjagaan (*Care Diamond*)

Sumber: Rasavi, 2007

Di antara keempat-empat sektor tersebut, terdapat pertindihan antara jenis penjagaan yang tidak berbayar dan yang berbayar. Sebahagian keluarga mengambil pembantu rumah atau jururawat peribadi (sektor swasta) untuk menjaga anak atau warga emas di rumah manakala sebahagian keluarga lain hanya bergantung kepada ahli keluarga sendiri. Penjagaan tidak berbayar oleh ahli keluarga memberikan pelbagai kesan tersendiri dalam bentuk ekonomi, kesihatan dan psikologi penjaga dan ahli keluarga yang dijaga.

Terdapat organisasi sukarelawan yang mengenakan caj perkhidmatan penjagaan. Mereka juga membiayai khidmat mereka kepada masyarakat dengan menerima geran daripada kerajaan atau menggunakan dana pelbagai sumber.

Walaupun bagaimanapun, permintaan kepada penjagaan yang semakin meningkat menuntut Kerajaan Negeri memastikan Ekonomi Penjagaan terus berkembang dan boleh dicapai oleh seramai mungkin rakyat di Selangor.

Selain dari tanggungjawab menyediakan khidmat penjagaan secara langsung (seperti di hospital, klinik dan pusat jagaan kendalian kerajaan), perhatian harus diberikan kepada peranan kerajaan yang lebih luas seperti berikut:

1. Memastikan piawaian khidmat dan produk digubal dan dikuatkuasakan untuk melindungi orang yang menerima dan memberikan penjagaan;
2. Mempromosikan penjagaan sebagai perkhidmatan dan pekerjaan yang bernilai serta berkualiti tinggi sebagai laluan kerjaya yang berdaya maju dan mampu menjana pendapatan yang tinggi;
3. Menghubungkan agensi bertanggungjawab dalam pendidikan, kesihatan, ekonomi digital dan aspek kehidupan yang lain – seperti perumahan, pengangkutan, komunikasi, makanan dan pemakanan – supaya persekitaran penjagaan yang lancar dan menyeluruh dapat disediakan;
4. Menggalakkan organisasi berasaskan komuniti berinovasi dan bekerjasama untuk memberi lebih banyak pilihan produk dan khidmat ekonomi penjagaan, seterusnya membuka ruang kepada persaingan sihat di dalam pasaran;
5. Memastikan panduan dan insentif pelaburan disediakan untuk menggalakkan pelaburan berimpak tinggi, di semua peringkat iaitu dari perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sehingga syarikat-syarikat besar di dalam industri ekonomi penjagaan; dan
6. Memastikan berlakunya kesan pengganda (*multiplier effect*) yang mewujudkan lebih banyak perniagaan, pekerjaan dan pendapatan untuk rakyat dalam negeri melalui perkembangan sektor ekonomi penjagaan yang sihat dan teratur.

## 1.3. Segmen-Segmen Di Dalam Ekonomi Penjagaan

### 1. Warga Emas

Di Malaysia, warga emas ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Terdapat dua (2) dasar kerajaan yang berkaitan iaitu Dasar Warga Emas Negara & Pelan Tindakan Dasar



Warga Emas Negara (PTDWEN), 2011 di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan Dasar Kesihatan Warga Emas, 2008 di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dasar Warga Emas Negara membahagikan kesejahteraan kepada lima (5) dimensi utama iaitu dimensi kesihatan (penuaan sihat), sosial (penuaan aktif), ekonomi (penuaan produktif), kerohanian (penuaan positif) dan persekitaran (penuaan menyokong).

Warga emas boleh dikategorikan kepada:

**a. Warga emas sihat:** individu berusia 60 tahun ke atas yang masih mampu mengurus diri sendiri secara berdikari.

**b. Warga emas kurang upaya:** individu berusia 60 tahun ke atas yang memerlukan bantuan dalam beberapa aktiviti seharian, seperti mandi, makan, dan berpakaian.

**c. Warga emas uzur dan sakit terlanjar:** individu berusia 60 tahun ke atas yang berkeluarga atau tidak memiliki keluarga atau penjaga dan tidak mampu mengurus diri sendiri.



Jenis-jenis produk dan khidmat di dalam Ekonomi Penjagaan yang berkaitan langsung dengan warga emas ialah:

### **Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan di Rumah**

- ▶ Pengurusan ubat-ubatan: bantuan untuk pengambilan ubat preskripsi bagi mengelakkan komplikasi dan kemasukan ke hospital.
- ▶ Penjagaan kesihatan di rumah: menyediakan penjagaan perubatan, terapi dan perkhidmatan perawatan di rumah.
- ▶ Penjagaan bukan perubatan di rumah: perkhidmatan termasuk penyediaan makanan, pembersihan dan teman ketika di rumah.

### **Penjagaan peribadi**

- ▶ Aktiviti Kehidupan Sehari-hari (*Activities of Daily Living*): Bantuan untuk tugas asas seperti mandi, berpakaian, makan dan pergerakan.
- ▶ Aktiviti Instrumental Kehidupan Sehari-hari (*Instrumental Activities of Daily Living*): Bantuan untuk aktiviti yang lebih rumit seperti membeli-belah, memasak, menguruskan kewangan dan menggunakan kenderaan.

### **Penjagaan Sementara (Respite Care)**

- ▶ Menyediakan penjagaan sementara sebagai pengganti penjaga utama untuk mendapatkan rehat yang

mencukupi sementara waktu sama ada di rumah atau pusat jagaan.

### **Penjagaan Khusus**

- ▶ Penjagaan Hospis: Penjagaan bertujuan untuk mengurangkan kesakitan dan meningkatkan kualiti hidup akhir hayat individu pesakit terminal. Penjagaan Hospis boleh diterima pada saat pesakit tidak ada sebarang rawatan atau penawar.
- ▶ Penjagaan Paliatif: Penjagaan berfokuskan kepada penyediaan kelegaan daripada simptom dan memudahkan penjagaan rapi bagi penyakit berat seperti kanser atau strok. Penjagaan diterima oleh pesakit semasa atau telah diagnosis penyakit kronik.
- ▶ Penjagaan Demensia: Penjagaan bertujuan untuk pesakit menjalani kehidupan harian lebih berkualiti. Penjagaan rapi bagi membantu membina keyakinan diri pesakit.

### **Fasiliti Kediaman Penjagaan/ Penjagaan Jangka Panjang (Long Term Care)**

- ▶ Penjagaan di rumah merangkumi perkhidmatan sokongan seperti penyediaan makanan dan bantuan bagi aktiviti kehidupan seharian
- ▶ Rumah Penjagaan (*Nursing Home*): Penjagaan dan penyeliaan perubatan

24 jam untuk individu yang mempunyai masalah kesihatan yang teruk atau mereka yang baru pulih daripada pembedahan atau sakit.

### Interaksi Sosial

- ▶ Pusat Penjagaan Harian Dewasa bagi menawarkan peluang interaksi sosial, makanan dan sebahagian perkhidmatan kesihatan, serta pembelajaran dan lain-lain.
- ▶ Pusat Warga Emas: Pusat komuniti yang menyediakan aktiviti sosial, makanan dan lain-lain.

### Perkhidmatan Sokongan

- Mobiliti: Perkhidmatan penyediaan pengangkutan ke temu janji perubatan, kedai runcit, dan keperluan lain.
- Makanan: Program pelbagai yang menyediakan hidangan berkhasiat kepada warga emas yang tidak mampu untuk memasak.

### Teknologi dan Peranti Bantuan

- ▶ Teleperubatan: Perkhidmatan penjagaan kesihatan jarak jauh disediakan melalui platform digital.
- ▶ Alat Bantu Pergerakan: Peranti seperti alat bantu berjalan (*walker*), kerusi roda dan skuter untuk membantu pergerakan.
- ▶ Alat Bantu Pendengaran: Alat bantu pendengaran seperti '*receiver-in-canal (RIC)*, *in-the-ear (ITE)*, *in-the-canal (ITC)*,

*completely-in-canal (CIC)* dan *invisible-in-canal (IIC)*'.

### Perundangan dan Kewangan

- ▶ Perancangan penjagaan di tempoh usia lanjut termasuk perancangan kewangan, aset dan hartanah atau menentukan wakil bagi hal-hal berkaitan undang-undang.

### Pendidikan dan Kaunseling

- ▶ Pendidikan Penjaga: Pendidikan dan latihan kepada ahli keluarga sebagai penjaga utama di rumah tentang kaedah untuk menyediakan penjagaan, menguruskan ubat-ubatan dan menguruskan cabaran emosi dan fizikal dalam melaksanakan aktiviti penjagaan.
- ▶ Khidmat kaunseling: Penyediaan sokongan emosi dan kaunseling kepada warga emas dan ahli keluarga mereka.

### Terapi

- ▶ Terapi fizikal: Perkhidmatan bertujuan menambah baik pergerakan, kekuatan, dan keseimbangan.
- ▶ Terapi pekerjaan (*Occupational Therapy*): Bantuan untuk meningkatkan kemahiran yang diperlukan untuk kehidupan dan pekerjaan seharian.
- ▶ Terapi pertuturan (*Speech Therapy*): Bantuan berkaitan isu komunikasi dan kesukaran menelan.

## 2. Kanak-kanak

Akta Kanak-Kanak 2001 mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun.



Kanak-kanak boleh dikategorikan kepada:

**a. Bayi:** Individu berusia 0 hingga 2 tahun

**b. Kanak-kanak prasekolah:** Individu berusia 3 hingga 5 tahun. Mengikut terminologi diguna pakai oleh agensi-agensi kerajaan, penjagaan kanak-kanak di bawah 4 tahun dirujuk sebagai 'pengasuhan', manakala kanak-kanak antara 5-6 tahun pula digalakkan memasuki program pra-persekolahan.

**c. Kanak-kanak sekolah:** Individu berusia 6 hingga 17 tahun.

Umur dan peringkat merupakan istilah yang digunakan untuk mengenal pasti tempoh penting dalam garis masa perkembangan manusia. Pertumbuhan berlaku di setiap peringkat bagi domain utama perkembangan termasuk fizikal, intelektual, bahasa dan sosial-emosi.

Jenis-jenis produk dan khidmat di dalam Ekonomi Penjagaan yang berkaitan langsung dengan kanak-kanak ialah:

### Kelahiran dan Penjagaan Bayi

► Penjagaan selepas bersalin: penjagaan berpantang termasuk urutan selepas bersalin, perkhidmatan penginapan atau penjagaan harian bagi wanita dan perubatan bayi serta penyediaan makanan.

### Asuhan (0-4 tahun)

- Pusat asuhan kanak-kanak seperti TASKA dan Tadika.
- Pengasuh di rumah iaitu penjagaan anak oleh pengasuh di rumah pengasuh atau di rumah sendiri. Penjagaan di rumah sendiri dilakukan oleh pembantu rumah atau menggunakan pengasuh yang diperolehi melalui platform pepadanan pekerjaan dalam talian (*online job matching platforms*).
- Kumpulan bermain (*play group*) iaitu kanak-kanak bermain bersama-sama dalam aktiviti yang diawasi oleh petugas atau ibu bapa.
- Pusat selepas waktu kerja: pusat jagaan kanak-kanak yang beroperasi pada waktu lanjutan atau pada hujung minggu mengikut permintaan ibu bapa.

### Buku dan Bahan Pendidikan

- ▶ Buku dan mainan awal kanak-kanak yang direka untuk merangsang perkembangan kognitif dan sosial mereka.
- ▶ Media digital: penciptaan kandungan dan pengeluaran video, permainan dan lagu yang menarik dan menghiburkan, menyediakan konteks lain yang boleh dimanfaatkan untuk pembelajaran interaktif.

### Makanan dan Pengangkutan

- ▶ Penyediaan Makanan: penyediaan dan penghantaran makanan selepas sekolah.
- ▶ Pengangkutan: pilihan pengangkutan selamat untuk ke pusat jagaan, sekolah atau pusat aktiviti

### Kanak-kanak Bekeperluan Khas

- ▶ Pusat pendidikan awal kanak-kanak dengan infrastruktur yang sesuai, kurikulum dan penjaga terlatih atau guru untuk pelbagai jenis keperluan khas (sama ada kelainan upaya fizikal atau pembelajaran).
- ▶ Penjagaan dan pemulihan/perubatan khusus bagi mengoptimumkan fungsi fizikal dan mengurangkan ketidakupayaan dari peringkat awal.





### 3. Orang Kelainan Upaya

Akta Orang Kurang Upaya 2008 mentakrifkan Orang Upaya



sebagai individu yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari aspek fizikal, mental, intelektual atau deria yang berhadapan dengan pelbagai halangan yang boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka ke dalam masyarakat.

Orang Kelainan Upaya boleh dikategorikan kepada 7 kategori iaitu:

a. Kurang Upaya Pendengaran.

b. Kurang Upaya Penglihatan.

c. Kurang Upaya Pertuturan.

d. Kurang Upaya Fizikal.

e. Kurang Upaya Pembelajaran.

f. Kurang Upaya Mental.

g. Kurang Upaya Pelbagai.

Jenis-jenis produk dan khidmat di dalam Ekonomi Penjagaan yang berkaitan langsung dengan Orang Kelainan Upaya ialah:

#### Keperluan Khas Fizikal

- ▶ Alahan dan asma: penyelesaian kepada mereka yang alah makanan tertentu atau persekitaran, dan produk membantu menguruskan intensiti.
- ▶ Kelainan atau kehilangan anggota badan: latihan atau langkah penyesuaian diperlukan untuk individu dan keluarga atau majikan, serta pembuatan prostesis yang cekap dan berpatutan.
- ▶ Atritis juvana dan kronik: pengurusan kesakitan dan sokongan semasa 'flare-up', termasuk penjagaan di rumah, urutan, senaman, steroid dan lain-lain.
- ▶ Cerebral palsy: ubat-ubatan, fizikal, terapi pekerjaan, terapi psikologi dan pembedahan untuk meningkatkan kualiti hidup individu tersebut.
- ▶ Epilepsi: Ubat anti-epileptik, penjagaan kejururawatan di rumah, pautan kecemasan, memastikan rumah dan persekitaran fizikal yang selamat.

#### Keperluan khas Pembelajaran

- ▶ Sindrom Down dan gangguan spektrum Autisme: perkhidmatan kediaman, program harian, seperti aktiviti pendidikan, vokasional atau sosial, program kerja dan sokongan

kerjaya, seperti bimbingan kerja, latihan atau penempatan, dan terapi, seperti terapi kognitif-tingkah laku, ubat, atau kaunseling.

- ▶ Disleksia: latihan atau tunjuk ajar untuk membantu meningkatkan kemahiran membaca dan terapi pekerjaan.

### Keperluan Khas Tingkah Laku/ Emosi

- ▶ Kebimbangan (*anxiety*) dan kemurungan, gangguan makan atau tidur, gangguan personaliti (*personality disorder*): rancangan penjagaan kejururawatan yang merangkumi penilaian simptom, sokongan emosi, dan teknik relaksasi.
- ▶ ‘*Dissociative Disorder*’, penggunaan dadah atau bahan terlarang, skizofrenia: akses kepada pakar psikiatri, ahli psikologi atau perundingan pekerja sosial psikiatri, kumpulan sokongan keluarga dan ubat-ubatan.

### Keperluan Khas Permasalahan Deria

- ▶ Cacat penglihatan: alat bantu bantu dan peralatan penyesuaian, haiwan servis (*service animals*), pengangkutan, terjemahan Braille.
- ▶ Bermasalah pendengaran: alat teknologi bantuan, implan koklea, kelas bahasa isyarat atau jurubahasa.



## 4. Penjaga

Penjaga boleh terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu penjaga formal dan penjaga tidak formal.



a. Penjaga tidak formal terdiri daripada ahli keluarga, saudara mara, jiran tetangga, kumpulan sokongan dalam komuniti, badan bukan kerajaan, pertubuhan politik, agensi dan organisasi setempat. Terdapat penjaga dalam kategori ini yang tidak dibayar.

b. Penjaga formal merujuk kepada penjaga di institusi, hospital, komuniti, penjagaan bergerak dan penjaga di rumah yang berbayar.

Jenis-jenis produk dan khidmat di dalam Ekonomi Penjagaan yang berkaitan langsung dengan Penjaga sendiri ialah:

### Penjaga utama tidak formal:

- ▶ Keupayaan dan keyakinan untuk memberikan penjagaan yang sebaiknya kepada orang yang dijaga, melalui program-program berkala dan kumpulan sokongan.
- ▶ Latihan dan pengetahuan tentang kesan sampingan daripada ubat atau rawatan, atau latihan untuk mengangkat pesakit yang terlantar, cara memberikan suntikan, penyusuan tiub, resusitasi kardiopulmonari (CPR) dan sebagainya
- ▶ Peluang mengamalkan penjagaan diri dan diberi peluang untuk memenuhi keperluan emosi, sosial dan kewangannya.

### Penjaga formal:

- ▶ Memastikan bilangan penjaga dan profesional bidang penjagaan (dokter, jururawat, pekerja sosial, ahli psikologi, pakar geriatric, pakar gerontologi, ahli terapi cara kerja, ahli fisioterapi, ahli podiatrik dan lain-lain seperti pekerja sosial, jururawat/ penjaga komuniti) adalah mencukupi.
- ▶ Memastikan penjaga diberi hak dan perlindungan pekerjaan yang baik (jurang upah, keadaan kerja, jadual kerja) dan keperluan untuk perkhidmatan sokongan bagi tenaga kerja (seperti latihan, cuti wajib dan sokongan sosial).





# Ekonomi Penjagaan di Negeri Selangor



## 2.1. Senario Semasa: Keperluan Penjagaan (Permintaan)

Menurut data Banci 2020, populasi Negeri Selangor ialah seramai 6,994,423. Kanak-kanak berumur antara 0-4 tahun terdiri daripada 745,575 orang (10.64%); antara 5-9 tahun ialah 756,122 orang (10.8%). Kategori warga emas berumur antara 55-64 tahun terdiri daripada 377,960 orang (5.4%); berumur 65-74 tahun 163,553 orang (2.3%) dan lebih 75 tahun ke atas 52,940 orang (0.76%).

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Selangor menghadapi situasi peningkatan jangka hayat penduduk iaitu 78.1 tahun di Negeri Selangor berbanding kadar nasional 74.8 tahun, bagi bayi yang lahir pada tahun 2023<sup>1</sup>. Selain itu, berlaku penurunan jumlah kadar kesuburan atau '*total fertility rate*'<sup>2</sup> iaitu dari 2.0 ke 1.5 dalam tempoh 10 tahun antara 2012 dan 2022.

---

1 Jangkaan hayat ketika lahir merujuk kepada anggaran umur yang akan dicapai oleh seorang bayi yang baru dilahirkan dalam tahun rujukan. Sumber data: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2021-2023.

2 Merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang wanita terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya (15-49 tahun) dan di sepanjang tempoh itu tertakluk kepada kadar kesuburan umur tertentu bagi sesuatu tahun. Sumber data: Jadual Perangkaan Penting Malaysia, 2023.

Jadual 1. Jangka hayat ketika lahir, mengikut jantina, untuk tahun 2023


Kawasan	Lelaki dan Perempuan	Lelaki	Perempuan
Selangor	76.4	74.4	78.7
Gombak	75.9	73.8	78.4
Klang	75.0	73.0	77.5
Kuala Langat	73.8	71.7	76.2
Kuala Selangor	74.1	71.7	76.8
Petaling	78.5	76.7	80.6
Sabak Bernam	68.5	66.0	71.7
Sepang	78.3	76.8	80.2
Ulu Langat	76.2	74.4	78.4
Ulu Selangor	73.8	71.4	76.7

Sumber: Penerbitan Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2021-2023

Menjelang tahun 2040, Selangor diunjurkan mempunyai populasi warga emas seramai 1.3 juta orang. Peratusan penduduk berumur 65 tahun ke atas bertambah dari 6.9% pada tahun 2020 kepada 8.1% pada tahun 2024. Kini, negeri Selangor sudah boleh dikategorikan sebagai 'ageing society'.


Nisbah tanggungan umur tua Negeri Selangor meningkat dari 9.7 kepada 11.4 dalam tempoh yang sama (berbanding nisbah tanggungan untuk Malaysia iaitu 10.9 pada tahun 2024).<sup>3</sup> Dibandingkan dengan negeri-negeri lain, Selangor

menduduki tempat ke-5 dari segi peratusan penduduk warga emas selepas Perak (9.9%), Kedah (9.1%), Sarawak (8.7%), dan Perlis (8.3%).



<sup>3</sup> Nisbah tanggungan jumlah merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun dan lebih bagi setiap seratus penduduk yang berumur 15-64 tahun. Nisbah ini adalah hasil tambah nisbah tanggungan umur muda dan nisbah tanggungan umur tua.

Rajah 4. Populasi Negeri Selangor, Banci 2020



Sumber: Banci Penduduk 2020, DOSM

Sehingga 2022, data dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan jumlah OKU berdaftar di Selangor ialah yang tertinggi iaitu 111,095 orang yang mewakili 16% daripada 674,548 OKU berdaftar seluruh negara.



OKU penglihatan  
**8,200 orang**



OKU pendengaran  
**6,890 orang**



OKU pembelajaran  
**38,289 orang**



OKU mental  
**7,228 orang**



OKU pertuturan  
**450 orang**



Lain-lain  
**5,705 orang**



Sumber foto: Bikeisable



## 2.2. Senario Semasa: Ketersediaan Penjagaan (Penawaran)

### 1. Penjagaan di Rumah

Sebahagian besar khidmat penjagaan diberikan di dalam rumah iaitu penjagaan tidak berbayar yang dilakukan oleh ahli keluarga (lazimnya dilakukan oleh wanita). Dari perspektif ekonomi, khidmat penjagaan ini tetap dianggap sebagai suatu bentuk pekerjaan kerana melibatkan penggunaan tenaga manusia bersama peralatan untuk menghasilkan sesuatu yang bernilai, walaupun tidak diukur dari segi wang.

Perkhidmatan domestik dan penjagaan dianggap sebagai aktiviti ekonomi atau pengeluaran dalam Akaun Negara dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekiranya dilakukan sebagai kerja berbayar, sama seperti perkhidmatan awam dan swasta yang disediakan oleh profesional dalam bidang pendidikan atau penjagaan pesakit, warga emas dan orang kurang upaya.

### 2. Penjagaan di Institusi

Penjagaan **di institusi** menjadi pilihan apabila penjagaan di rumah tidak dapat dijalankan atas sebab tertentu. Bilangan pusat jagaan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor ialah sebanyak

700 entiti (Jadual 2). Selain itu, terdapat pusat jagaan yang dibiayai dan diuruskan sepenuhnya oleh JKM termasuk Rumah Ehsan, Sekolah Tunas Bakti, Taman Sinar Harapan, Rumah Kanak-kanak dan Rumah Seri Kenangan.

Di Negeri Selangor, terdapat 673 pusat Jagaan persendirian yang berdaftar iaitu 66 Pusat Jagaan OKU, 101 Pusat Jagaan Warga Emas, 36 Pusat Jagaan Pelbagai dan 466 Pusat Jagaan Kanak-kanak. Dianggarkan hampir 400 lagi Pusat Jagaan yang beroperasi tetapi tidak berdaftar dengan JKM.

Jadual 2. Bilangan Pusat Jagaan berdaftar Jabatan Kebajikan Masyarakat di Negeri Selangor

Daerah	Warga Emas	OKU	Kanak-kanak
Petaling	55	30	219
Hulu Langat	22	20	102
Klang	14	10	86
Gombak	12	6	50
Sepang	1	4	35
Kuala Langat	0	0	2
Kuala Selangor	0	0	14
Hulu Selangor	1	0	14
Sabak Bernam	0	0	3
<b>Jumlah</b>	<b>105</b>	<b>70</b>	<b>525</b>

Jadual 3. Bilangan Institusi Berkaitan Penjagaan dan Sukarelawan JKM mengikut Negeri, 2022

Negeri	Bilangan Hospital Kerajaan	Bilangan Hospital Swasta	Bilangan Pusat Penjagaan Paliatif	Bilangan Pusat Jagaan Swasta Warga Emas	Bilangan sukarelawan Bantuan di Rumah JKM
Johor	11	30	3	57	141
Kedah	9	8	2	18	225
Kelantan	9	3	3	3	274
Melaka	3	4	2	26	75
N. Sembilan	7	8	2	35	90
Pahang	11	5	2	12	134
Perak	14	17	5	80	102
Perlis	1	1	0	1	85
Pulau Pinang	6	17	5	29	61
Sabah	22	8	7	8	257
Sarawak	21	13	6	8	270
<b>Selangor</b>	<b>12</b>	<b>53</b>	<b>9</b>	<b>100</b>	<b>267</b>
Terengganu	6	2	2	3	178
WP K. Lumpur	1	33	5	24	39
WP Labuan	1	0	0	0	27
<b>Jumlah</b>	<b>135</b>	<b>202</b>	<b>53</b>	<b>404</b>	<b>2,256</b>

Sumber: Statistik JKM 2022, Laporan Petunjuk Kesihatan MOH 2020

### 3. Penjagaan dalam Komuniti

Ketersediaan khidmat penjagaan dalam komuniti boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori: pusat jagaan harian swasta, pusat aktiviti warga emas, pusat jagaan berkonsepkan pengajian pondok, perkhidmatan sukarelawan komuniti melalui khidmat bantu di rumah, dan perkhidmatan dalam talian (kesihatan digital).

Jadual 4. Jenis Penjagaan/Sokongan Tidak Formal dan Formal

Jenis Penjagaan/Sokongan	Kaedah Penjagaan
Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).	Perkhidmatan sokongan dalam Komuniti
Rumah Ehsan dan Rumah Seri Kenangan dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).	Penjagaan Institusi
Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.	Perkhidmatan sokongan oleh Institusi
<i>Home Help Services</i> Kerajaan dan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) dan ( <i>Domiciliary care</i> ) KKM.	Perkhidmatan sokongan dalam Komuniti
Pusat Jagaan Harian Swasta (diuruskan organisasi tempatan dengan kolaborasi syarikat antarabangsa) seperti Rei Seraya (Jepun), Noble Care (Pakistan), Jeta Care (Australia), Green Leaf Retirement Resort, My Aged Care, Kaigonometri, MyflexHealth Australian), Care Concierge.	Penjagaan Komuniti dan Penjagaan Institusi
Kumpulan Sokongan Pertubuhan Etnik dan Keagamaan (contohnya yang berteraskan konsep ‘pondok’).	Penjagaan Komuniti dan Penjagaan Institusi
Bantuan Kewangan dari pelbagai Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan.	Perkhidmatan sokongan dalam Komuniti
Khidmat penjagaan dikendalikan oleh NGO atau syarikat Swasta melalui platform digital (Contoh: <i>Makcik Escort</i> , <i>Myflexcare</i> , <i>Door to Door (D2D) health care</i> , <i>Elderly Caregivers Malaysia</i> , <i>Doc-on-Move</i> , <i>Kiddocare</i> , <i>Teman</i> ).	Perkhidmatan sokongan dalam Komuniti
Pusat Jagaan Sementara/ <i>Respite Care</i> dikendalikan oleh syarikat swasta atau NGO.	Penjagaan Institusi
Penjagaan Hospis dan Paliatif dikendalikan oleh hospital atau organisasi swasta atau NGO.	Penjagaan Institusi
Perubatan Tradisional dan Komplimentari (TCM) (contoh: Perubatan Islam, rawatan urutan Tradisional Melayu, akupunktur atau ayurveda).	Perkhidmatan sokongan dalam Komuniti

Peningkatan jumlah ibu bapa yang bekerja juga meningkatkan permintaan TASKA untuk penjagaan kanak-kanak. Jadual 5 menunjukkan jenis TASKA di Selangor mengikut kategori dan bilangan setakat Julai 2023:

Jadual 5. Jenis TASKA mengikut Kategori yang Ditawarkan di Negeri Selangor

Jenis Penjagaan/Sokongan	Kaedah Penjagaan	Bilangan
Pusat Asuhan Kanak-kanak (TASKA) Institusi	Penjagaan Komuniti	844
TASKA di Rumah	Penjagaan Komuniti	85
TASKA Komuniti	Penjagaan Komuniti	2
TASKA Tempat Kerja Awam	Penjagaan Komuniti	33
TASKA Tempat Kerja Swasta	Penjagaan Komuniti	17
Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	Perkhidmatan Sokongan dalam Komuniti	60

Sumber: Data daripada JKM Negeri Selangor sehingga Julai 2023



## 2.3. Dasar dan Perundangan di Peringkat Persekutuan

Kerajaan bertanggungjawab melindungi setiap warga sama ada lelaki, wanita, kanak-kanak dan warga emas melalui penggubalan undang-undang dan dasar serta peraturan yang sesuai.

### 1. Warga Emas

Antara dasar peringkat persekutuan yang telah ada Dasar Warga Emas Negara 2011, Pelan Tindakan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 di bawah KPWK, manakala Dasar Kesihatan Warga Emas Negara 2008 dan Pelan Tindakan Dementia KKM 2023-2030 di bawah Kementerian Kesihatan (KKM). Rang Undang-undang (RUU) Warga Emas dan RUU Profesion Kerja Sosial juga akan memberi impak kepada rangka Ekonomi Penjagaan di masa hadapan.



Pada masa ini, Malaysia mempunyai tiga undang-undang yang dikuatkuasakan khusus untuk memantau perkhidmatan penjagaan warga emas, iaitu Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] beserta Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2018 (A1564); Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] serta yang terbaru Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 [Akta 802].

Sehingga kini, 341 pusat jagaan seluruh negara telah berdaftar di bawah

Akta 506, dan hanya 21 pusat di bawah Akta 586. Hal ini adalah disebabkan oleh standard piawaian perkhidmatan yang lebih tinggi di dalam Akta 586 berbanding Akta 506. Dianggarkan terdapat lebih daripada 1,000 pusat jagaan yang beroperasi di seluruh negara tidak berdaftar atau dilesenkan di bawah mana-mana akta (Penyata Rasmi Parlimen 2017).

Jadual Pertama (Seksyen 2 dan 48) Akta 802 memberikan takrif komprehensif tentang perkhidmatan jagaan kesihatan iaitu merangkumi:

Perkhidmatan oleh profesional jagaan kesihatan dan separa profesional jagaan kesihatan, perkhidmatan untuk penyaringan, diagnosis, atau rawatan untuk orang yang menghidap atau dipercayai menghidap, apa-apa penyakit, kecederaan atau kehilangan upaya minda dan badan, perkhidmatan untuk mengubati dan mengurangkan apa-apa keadaan tidak normal tubuh manusia dengan penggunaan apa-apa perkakas, kelengkapan, alat atau peranti, atau apa-apa teknologi perubatan lain, perkhidmatan bagi maksud pencegahan atau penggalakan kesihatan, perkhidmatan Perlindungan, pengawasan dan pemulihan dan penginapan bagi maksud apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan.

Kewujudan Akta ini bertujuan mengatasi masalah pengawalseliaan institusi penjagaan warga emas bersifat jangka panjang sama ada formal atau tidak formal seperti berikut (Penyata Rasmi Parlimen 2017):

- a. institusi yang tidak berlesen beroperasi dengan infrastruktur dan piawaian yang tidak seragam;
- b. tidak ada satu proses yang seragam untuk kemasukan pengurusan dan discaj penghuni;
- c. tiada latihan untuk penjaga dan petugas yang lain;
- d. peranan dan tanggungjawab yang tidak jelas di antara ahli keluarga, pengendali pusat dan penguatkuasa;
- e. tiada pengelasan tahap penjagaan warga emas yang jelas; dan
- f. kualiti penjagaan yang diragui.

Oleh itu, Akta ini telah memperuntukkan kuasa untuk menetapkan peraturan-peraturan dan garis panduan bagi memastikan institusi jagaan warga emas swasta ini dikendalikan pada tahap yang berkualiti termasuk memastikan bahawa petugasnya terlatih dan kompeten serta standard penjagaan yang wajar dilaksanakan.

Dalam proses pelaksanaan, Akta-akta ini perlu dibaca bersama Standard Kemahiran Kebangsaan (NOSS), Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2020 (MASCO 2020), Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Garis Panduan Perancangan Fizikal

Bagi Warga Emas 2018 PLANMalaysia, Kaedah-kaedah bagi Pengurusan Rumah Orang-Orang Emas 1983, Kaedah-kaedah (Rumah Kebajikan) Orang-Orang Papa 1981, Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994 dan Garis Panduan Pengurusan Harta Bagi Penghuni Institusi Warga Emas 2019.

## 2. Kanak-kanak



Akta utama berkaitan penjagaan kanak-kanak adalah Akta Kanak-kanak 2001; dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308) serta Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak Komuniti 2007. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 digubal untuk mengawal selia operasi Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) merangkumi pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

Taman asuhan kanak-kanak merangkumi mana-mana premis yang menerima masuk empat (4) orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun dari lebih daripada satu isi rumah untuk dijaga dengan upah (Seksyen 2, Akta 308). Seksyen 5 Akta 308 memperuntukkan empat kategori TASKA yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5 Akta 308 yang kesemuanya perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS) iaitu:



TASKA  
institusi



TASKA di  
tempat kerja



TASKA  
komuniti



TASKA  
di rumah

Akta lain yang berkaitan perlindungan dan penjagaan kanak-kanak adalah Kanun Acara Jenayah (Sek 173A, 293 & 294), Akta Pendaftaran Pengangkatan (1952), Akta Pengangkatan (1952), Akta Keganasan Rumahtangga (1994), Akta TASKA (Pindaan) (2007), Akta Pusat Jagaan (Pindaan) (2007) dan Akta Antipemerdagangan Orang (2007).

Selain itu, terdapat juga peraturan-peraturan berkaitan kanak-kanak iaitu Akta Kanak-kanak 2001 - Peraturan-

peraturan Kanak-kanak (Tempat Selamat) 2007, Akta Mahkamah Juvana 1947 - Peraturan-peraturan Asrama Akhlak 1982, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 - Kaedah-kaedah Perlindungan Wanita dan Gadis (Tempat Perlindungan) 1982, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 - Peraturan-peraturan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (Prosedur & Amalan) 1995, dan Peraturan-peraturan Jawatankuasa Kebajikan Juvana (Perlindungan dan Kewajiban 1976).



### 3. Orang Kelainan Upaya

Di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008, OKU didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual ataupun deria yang mana ianya boleh menyekat penyertaan penuh mereka di dalam masyarakat.



Manakala ‘*Convention on The Rights of Person with Disabilities*’ (CRPD) 2006 yang dikeluarkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan OKU sebagai mana-mana individu yang mempunyai kekurangan sama ada dari segi fizikal, mental, intelek ataupun deria yang mana boleh menyebabkan timbulnya halangan kepada individu tersebut dan menghalang penglibatan penuh mereka.

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) dan JKM menyediakan perkhidmatan, kemudahan, penjagaan, perlindungan, pemulihan, latihan dan peluang pekerjaan kepada OKU bagi menggalakkan penyertaan aktif komuniti setempat. JKM juga menyediakan program kesejahteraan OKU di bawah Dasar Orang Kurang Upaya 2007 dan Pelan Orang Kurang Upaya 2016-2022.

Selain pembentukan akta dan dasar-dasar, kerajaan juga telah memperkasakan perkhidmatan pusat pemulihan dalam komuniti (PDK). Program PDK ditumpukan kepada OKU yang memerlukan pemulihan dan latihan asas dari segi pergerakan, pertuturan, pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian. Program dibuka kepada OKU dari semua jenis ketidakupayaan dan semua peringkat umur.





## 2.4. Isu dan Cabaran Utama Penjagaan

### 1. Warga Emas

► Penuaan merupakan proses semulajadi yang melibatkan perubahan fisiologi, psikologi, emosional dan sosial. Proses penuaan adalah sesuatu yang normal, namun gaya hidup tidak sihat boleh menyebabkan keuzuran yang pramatang atau ketara pada usia tua seseorang individu. Mereka mungkin mengalami pelbagai penyakit kronik yang memerlukan penjagaan penuh (24 jam/7 hari) atau keadaan terlantar. Kekurangan khidmat penjagaan yang mencukupi di rumah, komuniti, pusat jagaan atau institusi khusus kini menjadi isu yang semakin membebankan masyarakat dan memerlukan perhatian segera.



► Tadbir urus Kerajaan berkaitan perkhidmatan dan kemudahan penjagaan warga emas melibatkan pelbagai agensi, kadangkala menyukarkan warga emas atau penjaga mereka untuk melaporkan masalah dan memohon bantuan. Antara agensi yang terlibat ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Kemajuan Desa

dan Wilayah (KKDW) serta Majlis Agama Islam dan Persatuan Pelbagai Agama di Malaysia.

► Jangka hayat wanita lebih tinggi berbanding lelaki dan lazimnya bilangan warga emas wanita lebih ramai berbanding lelaki bagi kumpulan umur 75 tahun ke atas. Warga emas wanita yang tidak pernah bekerja atau tidak mempunyai simpanan selalunya akan mengalami masalah membiayai keperluan penjagaan diri, sekiranya sakit atau bersendirian jika tiada sokongan dari waris atau anak-anak atau pihak berkenaan.

► Persekitaran tempat tinggal, makan minum, perubatan, dan keselamatan persekitaran warga emas perlu diubah suai dan diselenggarakan dengan lebih kerap. Rumah yang didiami oleh warga emas haruslah mempunyai ciri sokongan tertentu (contohnya palang cengkaman, pagar, lantai yang tidak licin, tandas bertingkat, tempat duduk pancuran mandian, pencahayaan yang lebih baik) dan mempunyai atur susun yang lebih sesuai (untuk kemudahan kerusi roda, laluan yang jelas, dan perabot yang sesuai). Pengubahsuaian dan penyelenggaraan tentunya melibatkan kos yang tinggi.

► Penderaan warga emas termasuk tindakan keganasan, penganiayaan dan pengabaian sama ada dari segi fizikal, emosi dan harta benda. Warga

emas sering takut untuk berbelanja bagi penjagaan kesihatan dan kesejahteraan diri sendiri kerana mereka tidak mempunyai simpanan masa tua yang kukuh atau mereka takut membebankan anak-anak. Pengabaian kewangan warga emas biasanya melibatkan pengabaian kewangan oleh anak terhadap kedua-dua ibu bapa. Terdapat warga emas yang bergantung kepada bantuan yang dihulurkan oleh JKM, Baitulmal atau pencen pasangan disebabkan oleh kegagalan atau ketidakmampuan anak-anak memberi perlindungan dan wang kepada ibu bapa.

- ▶ Penderaan fizikal adalah tindakan yang boleh mendatangkan kecederaan atau kesakitan kepada warga emas seperti perbuatan memukul, mencubit, menendang, membaling sebarang objek yang keras atau tajam kepada warga emas, dan apa-apa perlakuan yang boleh mendatangkan kecederaan dan kesakitan.
- ▶ Penderaan dari segi emosi atau psikologi pula adalah satu bentuk penderaan secara lisan atau bukan lisan yang mendatangkan keresahan kepada hati, jiwa dan perasaan warga emas, contohnya seperti menghina, mencaci, mengugut atau apa sahaja percakapan atau penulisan atau perbuatan yang menyebabkan warga emas menjadi sedih, malu, terasa hati atau takut sehingga mendatangkan tekanan emosi kepada mereka.

## 2. Kanak-Kanak



- ▶ Pelbagai isu seperti penularan penyakit, ketidakjaminan zat makanan, kekurangan nutrisi dan penderaan dilaporkan berlaku di pusat-pusat asuhan. Penularan penyakit berjangkit sering kali disebabkan oleh ibu bapa yang menghantar anak yang kurang sihat ke pusat jagaan, serta kurangnya kepekaan pengusaha premis dalam menjaga kebersihan persekitaran dan penyediaan makanan.
- ▶ Dua masalah malnutrisi utama bagi kanak-kanak di bawah lima (5) tahun adalah kebantutan dan obesiti. Berat badan kanak-kanak yang berlebihan ditakrifkan sebagai mempunyai indeks jisim tubuh (*body mass index-BMI*) lebih daripada 2 sisihan piawai standard rujukan (WHO, 2006). Terbantut (*stunting*) pula ialah apabila seorang kanak-kanak mempunyai ketinggian untuk umur (*height for age*) kurang daripada -2 sisihan piawai berdasarkan standard rujukan (WHO, 2006). Didapati 1 daripada 5 kanak-kanak di bawah umur 5 tahun di Negeri Selangor bantut, iaitu kadar tertinggi di seluruh negara (110,480 orang) (Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, KKM, 2023).
- ▶ Penyakit mental yang dialami oleh kanak-kanak, seperti gangguan keresahan atau '*mood*', gangguan pemakanan atau tidur, penggunaan barang terlarang, '*schizophrenia*,

## Kesihatan mental kanak-kanak



**1 daripada 6 kanak-kanak** di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental.



Beban masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak kini meningkat **dua kali ganda** sejak 2019

**46%** mempunyai masalah dengan rakan sebaya

- sukar bergaul dengan kanak-kanak lain
- tiada kawan rapat
- dibuli oleh kanak-kanak lain
- tidak disukai oleh kanak-kanak lain
- lebih selesa bergaul dengan orang dewasa



**25%** mempunyai masalah tingkah laku



- selalu mengalami tantrum
- selalu tidak mematuhi arahan
- selalu berbohong atau menipu
- selalu mempunyai tabiat mencuri
- selalu bergaduh dengan kanak-kanak lain

**17%** mempunyai masalah emosi

- selalu mengadu sakit kepala
- cenderung berasa terlampau bimbang
- selalu tidak berasa gembira
- selalu berasa gementar
- cenderung berasa takut



**8%** mempunyai masalah hiperaktif



- selalu berasa gelisah
- selalu bergerak dengan resah
- perhatian mudah terganggu
- kurang tumpuan
- tergesa-gesa menurut kata hati (*impulsive*)

‘*dissociative disorders*’ atau ‘*personality disorders*’, selalunya kurang disedari oleh ibu bapa. Akibatnya, ramai kanak-kanak yang boleh dibantu dengan rawatan tidak mendapat bantuan yang mereka perlukan. Simptom yang dialami juga berbeza mengikut umur kanak-kanak. Ibu bapa selalunya lambat mendapatkan diagnosis dan penjagaan yang bersesuaian kerana stigma masyarakat, atau keresahan tentang kesan penggunaan ubat-ubatan, kos rawatan atau informasi dan fasiliti untuk mendapatkan bantuan.

- ▶ Akibat dari faktor di atas, ramai kanak-kanak yang memerlukan perhatian dan penjagaan mental tidak mendapat bantuan sewajarnya. Ini seterusnya membawa kepada cabaran kepada pihak keluarga, rakan sebaya, pihak sekolah dan masyarakat setempat.
- ▶ Manakala peningkatan kes pengabaian kanak-kanak oleh penjaga atau ahli keluarga semakin membimbangkan dan memberi kesan besar kepada nyawa, kebajikan dan keselamatan kanak-kanak serta mampu memberi impak kepada masyarakat dan negara. Menurut Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan Malaysia (2016) selaras dengan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (UNCRC) dan Akta Kanak-Kanak 2001

Sumber: Institut Kesihatan Umum, 2023

mendefinisikan pengabaian ialah “kegagalan yang berterusan dalam menyediakan keperluan fizikal, emosi dan perkembangan asas dari segi kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, makanan, tempat tinggal dan kehidupan yang selamat”. Antara faktor sebab kepada pengabaian dan penderaan kanak-kanak adalah keadaan kesihatan mental dan kelesuan fizikal yang dialami oleh pengasuh atau ahli keluarga tersebut.

Jadual 5. Statistik jenayah terhadap kanak-kanak di Selangor, 2023

BIL	JENIS KESALAHAN	JUMLAH KES
1.	<b>Penderaan</b> (Seksyen 31, Akta Kanak-Kanak 2001)	156 kes
2.	<b>Pengabaian</b> (Seksyen 31, 32, 33, 48, Akta Kanak-Kanak 2001)	190 kes
3.	<b>Keganasan Seksual</b> (Seksyen 5, 8, 10, 11, 12, 14, 15, Akta Kesalahan - Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak)	146 kes

Sumber: Dewan Negeri Selangor (2024)

### 3. Orang Kelainan Upaya



- ▶ Orang Kelainan Upaya (OKU) berdepan dengan pelbagai isu dan risiko terutama dalam aspek pembelajaran, pekerjaan dan pemerksaan emosi mereka. OKU juga berhadapan dengan cabaran untuk mendapatkan sokongan bantuan kewangan atau peranti dan peralatan bantuan (*assistive devices*) yang terbaik bagi kegunaan mereka.
- ▶ Walaupun terdapat Kod Standard Amalan Malaysia dan Indeks Reka Bentuk Sejangat (UDI) dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986, masih terdapat kekurangan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan bagi memastikan pematuhan dari segi reka bentuk rumah dan bangunan lain mengambil kira akses kepada OKU. Selain itu, kesukaran menggunakan pengangkutan awam, kesukaran mendapat lesen memandu, modifikasi kenderaan mesra bermakna OKU memerlukan kos yang tinggi untuk bergerak ke mana-mana.
- ▶ Masyarakat juga sering mendiskriminasi, melabel, streatip, stigma negatif terhadap OKU dalam pengambilan pekerjaan. Perkara ini menyebabkan ramai OKU enggan mendaftar dengan JKM bagi mendapatkan hak serta manfaat yang boleh didapati kerana bimbang akan stigma atau diskriminasi ke atas diri mereka.

- ▶ Tambahan lagi, ramai OKU tidak diberi diagnosis dan rawatan awal kerana kekurangan kesedaran dan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang sesuai. Hal ini boleh menyebabkan kondisi mereka bertambah teruk dan menjejaskan kualiti hidup. Kos terapi dan intervensi untuk OKU juga sangat mahal dan membebankan, terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah. Bagi OKU di luar bandar pula, fasiliti terapi dan sokongan lain yang terhad menyebabkan mereka perlu melalui perjalanan yang jauh untuk mendapatkan bantuan.

#### 4. Penjaga



- ▶ Di Malaysia, penjaga sering kali menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang boleh menjejaskan kualiti penjagaan dan kesejahteraan mereka sendiri.
- ▶ Terdapat pelbagai kategori penjaga yang terlibat dalam Ekonomi Penjagaan, berdasarkan jenis perkhidmatan yang diberikan:
  - » Ahli keluarga sebagai penjaga (Tidak berbayar);
  - » Penjagaan individu atau komuniti;
  - » Penjagaan berbayar secara bersemuka;
  - » Penjagaan berkala (berasaskan perkhidmatan seperti

pengangkutan, makanan, fisioterapi dan lain-lain);

- » Penjagaan berasaskan alat bantuan dan teknologi;
  - » Penjaga berbayar jangka panjang di dalam institusi;
  - » Rawatan perubatan;
  - » Peranan sukarelawan atau penjaga sambilan (Tidak Berbayar);
  - » Khidmat ahli professional (arkitek, jurutera dan lain-lain) khusus untuk rumah atau bangunan haruslah mengambil kira keperluan OKU, Warga Emas dan kanak-kanak; dan
  - » Kombinasi dua atau lebih jenis-jenis di atas.
- ▶ Ramai penjaga, terutamanya ahli keluarga, tidak mempunyai latihan atau pengalaman formal dalam penjagaan. Hal ini menyebabkan mereka kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk menyediakan penjagaan yang berkualiti dan selamat bagi orang yang mereka jaga. Penjaga mungkin tidak mempunyai pengetahuan lengkap tentang keperluan nutrisi individu yang dijaga terutamanya mereka yang mempunyai keperluan diet khusus seperti kanak-kanak dengan alahan atau warga emas dengan penyakit kronik. Penjaga yang tidak mempunyai latihan dan pengalaman formal juga mungkin tidak tahu tentang pelbagai peralatan bantu yang boleh membantu

pergerakan, keselamatan, atau kesejahteraan orang yang mereka jaga, terutamanya mereka yang mempunyai keperluan fizikal.

- ▶ Jika penjaga utama bekerja sepenuh masa, tergolong dalam kalangan warga emas, atau perlu menjaga lebih daripada seorang individu (contohnya, menjaga suami atau anak yang sakit terlantar serta dua atau tiga cucu pada masa yang sama), mereka akan menjadi terlalu sibuk dan akhirnya sukar menyelaraskan semua tugas yang perlu dilakukan. Ini termasuk memberi ubat, menguruskan kesan sampingan ubat-ubatan, menyediakan makanan, serta menjaga kebersihan dan keperluan diri mereka yang dijaga. Keletihan fizikal dan emosi yang dialami oleh penjaga utama tidak boleh dipandang ringan. Banyak kajian telah membuktikan bahawa penjaga utama pesakit sering mengalami penurunan kualiti hidup dari segi mental dan fizikal. Kesan emosi, fizikal dan kewangan akibat menjadi penjaga untuk jangka masa panjang juga selalunya sukar diatasi.
- ▶ Bagi warga emas, membantu dalam keperluan harian keluarga memberi mereka rasa diri masih diperlukan, kekal aktif secara sosial, serta memperkuat keyakinan bahawa mereka masih mampu memberi sumbangan yang bermakna. Fenomena penjagaan intergenerasi ini selalu dikaitkan dengan generasi *sandwich* apabila terdapat pasangan

menjaga anak dan ibu bapa warga emas yang tinggal bersama (*co-residential*) atau tinggal berdekatan (*quasi residential*). Peningkatan jumlah keluarga dwi-kerjaya di Malaysia disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh generasi '*sandwich*'. Generasi ini harus menjadi tunggak keperluan fizikal, kesihatan, emosi, sosial dan sumber maklumat kepada orang lain.

- ▶ Walaupun penjagaan intergenerasi merupakan suatu amalan lazim dalam kalangan masyarakat kita di Malaysia, keadaan ini tidak harus dibiarkan berlaku secara tidak berhemah. Skop penjagaan intergenerasi yang terlalu luas dikhuatiri membebankan warga emas seperti penjagaan kesihatan, penjagaan semasa sakit, penjagaan harian, riadah, komunikasi, tempat mengadu masalah dan sokongan fizikal seperti penyediaan alat pergerakan, alat komunikasi, pengangkutan, tempat tinggal, makanan, kelengkapan rumah, pakaian dan pemberian kewangan.
- ▶ Kesukaran untuk merekrut pekerja bagi sektor penjagaan formal ialah disebabkan oleh beberapa faktor seperti masa kerja yang panjang; gaji yang tidak kompetitif, kurang minat dan kemahiran, risiko pekerjaan yang kritikal dan penyakit berjangkit. Mereka juga berhadapan dengan tekanan mental hasil interaksi dengan orang yang dijaga dan keluarga mereka.

- ▶ Tekanan ini boleh membawa kepada keletihan, perasaan bersalah, pengabaian diri dan kesukaran untuk mendapatkan sokongan. Isu-isu ini seterusnya menjejaskan kualiti penjagaan yang diberikan serta pengabaian kepada mereka yang dijaga.
- ▶ Tidak terdapat dasar dan akta yang jelas dalam bidang penjagaan

terutama bagi mereka yang menjalankan keusahawanan sosial dan perniagaan secara gig atau melalui platform '*online matching*'. Seperti yang berlaku pada permulaan industri '*e-hailing*' atau '*p-hailing*', pihak pengendali khidmat, individu yang memberi khidmat dan pelanggan yang terlibat tidak dilindungi oleh perundangan/kod etika atau tatakelola agensi yang jelas.




## 5. Pengusaha Industri Penjagaan



- ▶ Model-model perniagaan dalam bidang penjagaan (penjagaan institusi mahupun di rumah) lazimnya menghadapi dua cabaran utama iaitu (i) kos yang tinggi berbanding dengan skala pelanggan yang terhad, dan (ii) kekurangan tenaga kerja berkemahiran dan sering bertukar ganti (*turn over*).
- ▶ Pengusaha turut menghadapi cabaran untuk mendapatkan modal atau kredit kerana bidang penjagaan mengambil masa yang lebih lama untuk mencapai skala dan prestasi keuntungan yang baik. Pinjaman perniagaan dengan kadar faedah yang membebankan bukanlah suatu pilihan yang mudah untuk pengusaha dalam bidang ini.
- ▶ Oleh itu, kebanyakan perusahaan penjagaan dikategorikan sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Banyak TASKA swasta atau pusat jagaan harian yang berada di peringkat paling bawah dalam piramid Ekonomi Penjagaan. Terdapat pengusaha yang bergantung sepenuhnya kepada simpanan peribadi, pinjaman mikro-kredit, atau bantuan ahli keluarga untuk menampung kos modal (seperti penambahbaikan premis, peralatan, penyelenggaraan dan lain-lain), sementara yuran yang dikenakan hanya mencukupi untuk menampung kos harian seperti gaji, makanan, dan utiliti.
- ▶ Dianggarkan lebih 600 TASKA dan hampir 400 Pusat Jagaan di seluruh daerah di negeri Selangor tidak berdaftar dengan JKM. Pengusaha yang tidak mendaftarkan premis mereka menyatakan antara cabaran yang dihadapi ialah kekangan masa dan kemahiran untuk melengkapkan dokumen dan rekod yang diperlukan, akibat kekurangan tenaga kerja dan pelbagai masalah lain.
- ▶ Pengusaha turut melaporkan bahawa kos konsultan yang tinggi untuk penyediaan plan bangunan, belanja pengubahsuaian, pematuhan syarat agensi teknikal seperti yang berkaitan dengan tangga keselamatan, pintu kecemasan, ruang memasak dan alat pemadam api menyukarkan mereka untuk mendaftar atau memperbaharui lesen operasi.
- ▶ Kurangnya kerjasama dan sokongan jiran, komuniti dan terutamanya pemilik premis menyebabkan pengusaha ragu-ragu untuk menambah perbelanjaan bagi mengubahsuai premis supaya selamat dan mapan bagi jangka panjang.





# Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor (2024 - 2030)

### 3.1. Keperluan Kepada Dasar

Sebagaimana yang dibincangkan dalam Bab 1 dan 2, jurang penawaran dan permintaan serta isu-isu penjagaan bagi setiap segmen kumpulan sasar Ekonomi Penjagaan di Negeri Selangor adalah jelas dan ketara. Oleh itu, Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor (DEPNS) (2024 – 2030) dibangunkan bagi mengatur langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk bertindak dan menjalin kerjasama antara isi rumah, komuniti dan syarikat swasta (seperti yang ditunjukkan oleh ‘Care Diamond’ sebelum ini) dengan lebih berkesan.

DEPNS telah digubal dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

1. Dasar-dasar utama negeri terutamanya Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang telah menggariskan komitmen Kerajaan Negeri Selangor untuk mengutamakan keperluan sosio-ekonomi rakyat. Melalui DEPNS, objektif-objektif strategik RS-1 seperti Pengukuhan Ekonomi serta Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial dapat diterjemahkan dan memanfaatkan rakyat. Pelan tindakan Ekonomi Penjagaan yang berkesan akan menyumbang kepada visi Negeri Selangor untuk menjadi negeri pintar, berdaya huni dan makmur;
2. Dasar-dasar terkini Kerajaan Persekutuan terutamanya dasar-dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan serta secara umumnya, Rancangan Malaysia ke12;
3. Rujukan kepada kumpulan pakar, ahli akademik, ketua-ketua agensi, wakil sektor NGO, pemain industri dan masyarakat melalui Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023, Bengkel Jawatankuasa Kerja Teknikal bagi Kerangka DEPNS, pelbagai sesi libat urus dan perbincangan

kumpulan fokus yang diadakan sepanjang proses penyediaan dasar; dan

4. Dasar-dasar dan program yang telah dilaksanakan di luar negara sebagai rujukan kes termasuk prinsip-prinsip Ekonomi Penjagaan yang penting yang digariskan oleh badan antarabangsa seperti World Health Organization (WHO), International Labour Organization (ILO), World Bank dan sebagainya.

Pembangunan DEPNS akan memberikan manfaat kepada kumpulan sasar iaitu warga emas, kanak-kanak, Orang Kelainan Upaya, dan penjaga formal dan tidak formal, dengan menekankan perkongsian tanggungjawab seluruh masyarakat (*whole-of-society*). DEPNS akan menggariskan strategi-strategi dan tindakan-tindakan dengan menjajarkan inisiatif sedia ada serta mengemukakan usul-usul kerjasama baru dan holistik yang boleh dilaksanakan dalam tempoh jangka pendek dan sederhana sehingga tahun 2030.

Adalah penting untuk DEPNS diangkat sebagai komitmen bersama seluruh jentera Kerajaan Negeri Selangor yakni merentasi portfolio pembangunan dan tata urus melibatkan aspek kesihatan, pendidikan, perumahan, pengangkutan, kebajikan, pelaburan, perkilangan dan perkhidmatan, perundangan di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

## 3.2. Objektif Pembangunan Dasar

1. Membangunkan suatu dokumen rujukan yang akan memandu inisiatif dan program yang menyumbang kepada pengukuhan ketersediaan khidmat dan produk peralatan penjagaan di Negeri Selangor untuk tempoh 6 tahun yang akan datang.
2. Mengiktiraf sektor penjagaan sebagai sektor yang berdaya maju dan salah satu tonggak baru yang berpotensi besar bagi ekonomi Negeri Selangor dari segi penawaran khidmat penjagaan yang berkualiti dan pelbagai (*diverse*) yang disokong oleh tata kelola baik Kerajaan negeri, serta menjana pendapatan dan pekerjaan kepada semua peringkat masyarakat.
3. Mengiktiraf dan mengangkat kebajikan semua penjaga formal dan tidak formal serta memastikan kebajikan individu, tidak kira usia, jantina dan pendapatan, dapat dijaga secara holistik menggunakan pendekatan penjagaan di rumah (*home-based care*), penjagaan berasaskan komuniti (*community-based care*) dan penjagaan di institusi (*institutional care*).

### 3.3. Visi dan Misi

#### Visi Jangka Pendek

Selangor sebagai Peneraju Ekonomi Penjagaan yang Inklusif, Mapan dan Berdaya Tahan

#### Visi Jangka Panjang

Selangor menjadi Hab Ekonomi Penjagaan

#### Misi

Negeri Selangor sebagai negeri progresif, mempunyai ekosistem dinamik berlandaskan prinsip masyarakat penyayang dan sinergi pelbagai pihak.

### 3.4. Teras Pelan Tindakan DEPNS

Dalam merealisasikan visi jangka pendek dan panjang Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor lima (5) teras strategik telah dikenal pasti iaitu:

**Teras 1: Advokasi dan Promosi**

**Teras 2: Tata Kelola dan Kawal Selia**

**Teras 3: Penjaga Terlatih dan Tenaga Kerja**

**Teras 4: Pelaburan dan Kerjasama**

**Teras 5: Inovasi, Teknologi dan Data**

## Advokasi dan Promosi

Pusat jagaan dan pekerjaan penjagaan (termasuk penjagaan tidak berbayar oleh ahli keluarga sendiri) dibelenggu masalah persepsi dan stigma negatif oleh masyarakat. Advokasi memainkan peranan utama dalam memastikan berlakunya kesedaran dan anjakan paradigma dalam kalangan kumpulan individu yang berbeza. Melalui advokasi dan promosi, lensa baru dapat dipupuk iaitu lensa yang mengutamakan kesejahteraan bersama melalui penjagaan yang baik dan komprehensif bagi mereka yang memerlukan. Isu penjagaan harus dilihat sebagai isu bersama dan memerlukan penyelesaian bersepadu dan tuntas. Ia boleh memberi kesan kepada semua aspek kehidupan, mempengaruhi keputusan dalam politik dan pembuatan dasar awam, dalam komuniti, dalam dunia perniagaan dan dalam sesebuah keluarga. Advokasi dan promosi dapat membantu masyarakat melihat sendiri serta memahami nilai dan impak Ekonomi Penjagaan termasuk sumbangannya kepada ekonomi dan kepentingannya dalam kehidupan seharian.



masyarakat setempat). Usaha penyedia khidmat penjagaan ini harus diiktiraf dan dihargai, dengan memperkenalkan penyeragaman dan sistem maklumat yang jelas yang boleh memudah cara operasi mereka serta mengurangkan beban masa dan kos pematuhan (*compliance cost*) tanpa mengurangkan standard perkhidmatan yang diberi. Kedua-dua pihak pengguna dan penyedia khidmat juga harus diberikan ruang untuk berusaha bersama untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan daya tahan komersil mereka.

## Penjaga dan Tenaga Kerja

Dasar ini mencadangkan supaya tenaga pakar dan pengamal berpengalaman digembleng untuk menyediakan latihan dan bimbingan yang diperlukan untuk kerja penjagaan di pelbagai peringkat kemahiran dan keperluan. Hal ini adalah kerana tugas penjagaan merupakan tugas yang kompleks dan bersifat teknikal, serta memerlukan kekuatan minda dan emosi penjaga dan mereka yang dijaga. Latihan dan sokongan adalah penting dalam memastikan senario penjagaan yang selamat, berkesan, dan sesuai dengan keperluan spesifik golongan yang dijaga. Selain itu, dasar ini menekankan keperluan standard amalan yang baik bagi perkhidmatan yang berkualiti terutama untuk mengelakkan dari berlakunya kes ekstrim seperti pengabaian, penderaan



## Tata Kelola dan Kawal Selia



NGO, usahawan atau syarikat yang berkecimpung dalam Ekonomi Penjagaan seperti

Pusat Jagaan/TASKA berhadapan dengan pelbagai syarat teknikal dan cabaran kos dan persekitaran (logistik dan kerjasama

dan kemalangan di rumah atau pusat jagaan. Pekerja penjaga perlu mempunyai laluan kerjaya yang lebih jelas, peluang untuk kemajuan, dan pengiktirafan profesional yang boleh meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja mereka.

## **Pelaburan dan Kerjasama**

Bagi menarik lebih banyak usahawan mikro dan makro menceburi pelbagai peluang perniagaan di dalam Ekonomi Penjagaan ini, insentif dan sokongan pelaburan perlu disusun dengan rapi. Terdapat ramai penyedia khidmat yang tidak berdaftar secara rasmi atas sebab-sebab tertentu. Mereka berhadapan dengan risiko denda atau penutupan operasi; manakala klien mereka tidak dapat perlindungan hak dan mutu perkhidmatan yang dipantau secara berkala. Sedangkan Ekonomi Penjagaan mampu menyediakan peluang perniagaan, pendapatan dan pekerjaan kepada segenap peringkat masyarakat, serta boleh dioperasikan secara skala besar mahupun kecil.

Pelaburan syarikat besar tempatan dan antarabangsa sangat penting untuk memastikan Ekonomi Penjagaan yang bermutu tinggi dan dapat menarik klien dari luar Negeri Selangor. Lembah Klang telah menjadi tapak kepada pelbagai syarikat bioteknologi dan farmaseutikal, institusi penyelidikan, dan pusat akademik yang boleh menjadi batu loncatan kepada sektor Ekonomi Penjagaan yang lebih maju.

## **Inovasi, Teknologi & Data**

Pemerolehan dan analisis data yang baik penting untuk memastikan jurang keperluan kepada khidmat atau produk Ekonomi Penjagaan dapat diatasi dengan lebih tepat dan tersasar. Data juga membolehkan sumber diperuntukkan dengan lebih efisien serta membantu pemantauan dan penambahbaikan perkhidmatan berdasarkan bukti.

Platform padanan perkhidmatan digital adalah pemangkin perubahan dalam penyampaian perkhidmatan Ekonomi Penjagaan. Platform tersebut dapat memudahkan sambungan langsung antara penyedia dan penerima perkhidmatan secara lebih efisien. Strategi ini akan meningkatkan aksesibiliti, mempercepatkan proses padanan berdasarkan keperluan terutamanya bagi klien membuat pilihan yang tepat.

Inovasi digital dan teknologi alat bantuan penjagaan masa kini semakin maju, dan harus dipromosikan di kalangan masyarakat. Hal ini bagi meningkatkan kualiti kehidupan harian pengguna, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap penjagaan yang mahal, selain dapat merangsang pertumbuhan industri dan penyelidikan dalam sektor penjagaan.

## Teras 1: ADVOKASI DAN PROMOSI

<b>Objektif 1.1</b>	Meletakkan Ekonomi Penjagaan sebagai prinsip penting di dalam konteks pembangunan Negeri Selangor.		
<b>Strategi 1.1.1</b>	Memacu perubahan sosial dan perspektif baru di kalangan kepimpinan Kerajaan Negeri dan akar umbi.	Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri	
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>
<b>1.1.1.1</b>	Menyediakan dokumen rujukan dan sumber media cetak dan visual untuk memudahcara aktiviti advokasi.	1 dasar dan Pelan Tindakan, Brosur, artikel di media dll.	Penerbitan, bahan media radio dll. Menggunakan pendekatan <i>story telling</i> dan <i>human interest</i>
<b>1.1.1.2</b>	Menganjurkan sesi meja bulat atau townhall bersama pemimpin masyarakat dan aktivis sosial untuk membincangkan aspek-aspek berkaitan Ekonomi Penjagaan setempat dan penyelesaian yang boleh digunakan.	1 kali setahun	1 kali setahun
<b>Strategi 1.1.2</b>	Menjalinkan kerjasama untuk memperkenalkan dan memperkukuhkan amalan baik Ekonomi Penjagaan di Negeri Selangor.		Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta, Universiti
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>
<b>1.1.2.1</b>	Menyediakan geran penyelidikan, termasuk MOU atau JV tempatan atau antarabangsa (termasuk latihan bersama, lawatan, perkongsian pakar dan lain-lain).	2 geran	5 geran
<b>1.1.2.2</b>	Menganjurkan persidangan atau simposium kebangsaan/ antarabangsa Ekonomi Penjagaan.	2 tahun sekali	2 tahun sekali

<b>Objektif 1.2</b>	Merakyatkan konsep Ekonomi Penjagaan dalam kalangan masyarakat awam, secara memupuk kesedaran tentang perkongsian tanggungjawab penjagaan serta adanya pelbagai jenis bentuk penjagaan yang boleh digunakan mengikut keperluan setiap keluarga.			
<b>Strategi 1.2.1</b>	Melaksanakan kempen ' <i>outreach</i> ' melalui media sosial, program komuniti dan penyebaran bahan-bahan pendidikan untuk menyebarkan maklumat untuk meningkatkan kesedaran awam berkaitan Ekonomi Penjagaan.			Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>	<b>Badan Pelaksana &amp; Sokongan</b>
<b>1.2.1.1</b>	Melaksanakan jerayawara ( <i>roadshow</i> ) dan karnival Ekonomi Penjagaan; untuk mengetengahkan ( <i>showcase</i> ) model/institusi/ usahawan Ekonomi Penjagaan di Negeri Selangor (aktiviti lain seperti ceramah agama, penerbitan artikel, program dokumentari dll.	2 daerah	4 daerah	WBS, SELGATE Healthcare UPEN Media Selangor, Badan Keagamaan dan Sosial NGO, Syarikat Swasta
<b>Strategi 1.2.2</b>	Melaksanakan inisiatif penjenamaan dan <i>visibility</i> Ekonomi Penjagaan.			Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>	<b>Badan Pelaksana &amp; Sokongan</b>
<b>1.2.2.1</b>	Memperkenalkan sambutan Hari Ekonomi Penjagaan Inklusif Negeri Selangor (HEPI) setiap tahun dengan tema-tema yang berlainan setiap tahun.	Aktiviti ceramah agama, penerbitan artikel, program dokumentari dll	1 Pakej Penjenamaan	WBS, SELGATE Healthcare UPEN Media Selangor, Badan Keagamaan dan Sosial NGO, Syarikat Swasta, Sekolah, JPNS
<b>1.2.2.2</b>	Memperkenalkan duta atau ' <i>influencer</i> ' Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor dari kalangan mereka yang melalui pelbagai cabaran dalam memberikan penjagaan kepada ahli keluarga sendiri.	2 orang (penjagaan OKU dan Warga Emas)	2 orang (penjagaan OKU dan Kanak-kanak)	WBS, Media Selangor
<b>1.2.2.3</b>	Penjenamaan Program Ekonomi Penjagaan melalui penciptaan logo, ' <i>banner</i> ', tema dan slogan-slogan yang menarik.	1 Pakej Penjenamaan	Penggunaan berterusan	



## Teras 2: TATA KELOLA DAN KAWAL SELIA

<b>Objektif 2.1</b>	<b>Memperkemaskan tata urus dan pemantauan kualiti pusat jagaan/TASKA.</b>			
<b>Strategi 2.1.1</b>	<b>Memastikan keseragaman dan penyelarasan undang-undang kecil di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pusat jagaan/TASKA.</b>	<b>Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri</b>		
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>	<b>Badan Pelaksana &amp; Sokongan</b>
<b>2.1.1.1</b>	Menyokong atau mewujudkan pasukan petugas khas ( <i>task force</i> ) untuk membuat semakan dan penggubalan akta/ undang-undang kecil, (mana-mana yang berkaitan).	Sepanjang tahun	Sepanjang tahun	UPEN, Pejabat Penasihat Undang-Undang JKM PTGS
<b>Strategi 2.1.2</b>	<b>Memperkukuhkan sistem penilaian bagi menambahbaik kualiti pusat jagaan/TASKA.</b>			<b>Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri</b>
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>	<b>Badan Pelaksana &amp; Sokongan</b>
<b>2.1.2.1</b>	Mewujudkan atau menambahbaik sistem penilaian Pusat Jagaan/TASKA berdasarkan <i>Quality Improvement Accreditation System (QIAS)</i> , yang termasuk di dalamnya kemudahan saluran aduan pengguna ( <i>consumer grievances</i> ) dan fungsi inspektorat dan penarafan	Penubuhan Pasukan Petugas Khas	Fasa rintis sistem penilaian baru dan hebahan	JKMS UPEN NGO/pakar

## Teras 3: PENJAGA DAN TENAGA KERJA

Objektif 3.1 Memastikan latihan di pelbagai bidang dan peringkat kemahiran penjagaan disediakan.				
Strategi 3.1.1 Menyediakan standard program/modul yang sesuai untuk membina kompetensi penjaga dan barisan hadapan Kerajaan Negeri.		Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri		
	Tindakan	Sasaran 2024-2026	Sasaran 2027-2030	Badan Pelaksana & Sokongan
3.1.1.1	<p>Memperluaskan skop program IMPAK Selangor dan Akademi Anis untuk menawarkan modul kemahiran berperingkat dan manual pengasuhan/ penjagaan - kanak-kanak, OKU dan Warga Emas. Modul latihan haruslah berasaskan kompetensi (<i>Competency-Based Training</i>).</p> <p>Kursus boleh ditawarkan secara bersemuka, online dan/atau pembikinan video pengajaran untuk rujukan awam.</p>	<p>2 siri kursus setahun</p> <p>5 video rujukan</p>	<p>2 siri kursus setahun</p> <p>5 video rujukan</p>	<p>YAWAS</p> <p>UNISEL</p> <p>UniKL</p> <p>STDC</p> <p>NGO atau syarikat konsultan</p> <p>JKM</p> <p>PAWE</p> <p>PDK</p>
3.1.1.2	<p>Memperkuatkan Pusat Khidmat Masyarakat setiap ADUN sebagai <i>frontliners</i> untuk masyarakat yang memerlukan khidmat dari sudut Ekonomi Penjagaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memberi latihan pengurusan kes (pendekatan penjagaan pemusatan insan/<i>person centered care</i>) atau pemudahcaraan kepada PKM</li> <li>Melatih Penggerak Belia Selangor (PeBS), Penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan koordinator Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA) bagi menggerakkan Ekonomi Penjagaan dalam komuniti</li> </ol>	<p>2 sesi latihan kepada pegawai di 10 PKM</p> <p>Kerjasama PAWE, PDK dan kemudahan 'Playgroup' kanak-kanak</p> <p>Di 2 Daerah</p>	<p>2 sesi latihan kepada pegawai di 20 PKM dan audit modul</p> <p>Kerjasama PAWE, PDK dan kemudahan 'Playgroup' kanak-kanak</p> <p>Di 3 Daerah</p>	<p>PKM</p> <p>JKM</p> <p>NGO atau syarikat konsultan</p> <p>WBS, PeBS, SUKA</p> <p>Persatuan Usiamas dan NGO lain</p> <p>YAWAS, Selcare</p> <p>JKNS</p> <p>Adab Youth garage (AYG), Sukarelawan Kelab Warga Emas</p> <p>RePlay</p>

<b>Objektif 3.2</b>	<b>Memastikan lebih ramai individu berminat untuk menceburi bidang kerja berkaitan Ekonomi Penjagaan.</b>			
<b>Strategi 3.2.1</b>	<b>Memberi maklumat jelas tentang kerjaya, peluang latihan dan pertempatan kerja.</b>	<b>Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Individu/Swasta</b>		
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>	<b>Badan Pelaksana &amp; Sokongan</b>
<b>3.2.1.1</b>	Mewujudkan pusat sehenti untuk pendaftaran sukarelawan komuniti atau 'micro-service providers' Ekonomi Penjagaan; fokus awal kepada lepasan Tahfiz tajaan MAIS dan golongan pesara yang berminat. Pendedahan dan promosi boleh juga dilakukan melalui aktiviti jerayawara ( <i>roadshow</i> ) dan karnival Ekonomi Penjagaan.	3 daerah	Diteruskan ke 5 daerah	PKM JKM JKNS MAIS MPKK
<b>3.2.1.2</b>	Menambah bilangan sekolah menawarkan aktiviti / kelab Ekonomi Penjagaan dalam kokurikulum untuk membina aspek kemahiran sosial dan emosi serta <i>soft skills</i> di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah.	1 sekolah menengah di 3 daerah	1 sekolah menengah di 6 daerah	JPNS, UPM dan UKM, Sekolah terpilih

Objektif 3.3				
Mengintegrasikan sistem penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sokongan sosial sebagai kaedah memudahkan penjagaan di rumah dan di komuniti.				
Strategi 3.3.1				Sumber Kewangan:
Mewujudkan jaringan perkhidmatan penjagaan di rumah dan dalam komuniti.				Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta
	Tindakan	Sasaran 2024-2026	Sasaran 2027-2030	Badan Pelaksana & Sokongan
3.3.1.1	Memperkenalkan perkhidmatan pengangkutan ke pusat jagaan, pusat aktiviti dan hospital / klinik bergerak bagi kumpulan sasar; melalui Mobiliti Selangor - van <i>Demand Responsive Transit</i> (DRT) – serta kolaborasi dengan syarikat e-hailing yang beroperasi di Selangor.	Pertambahan 10% pengguna khusus dari segmen sasaran Ekonomi Penjagaan	Pertambahan 50% pengguna khusus dari segmen sasaran Ekonomi Penjagaan	MBI Pejabat YB Exco PBT terlibat JKMS
3.3.1.2	Menyediakan subsidi peranti atau alat bantuan penjagaan individu warga emas atau OKU (terutamanya bagi mereka yang tidak memperolehi bantuan SOCSO atau insurans persendirian)	150 penerima	300 penerima	JKM YAWAS PKM MPKK
3.3.1.3	Memperluaskan bantuan baik pulih; kerja pembersihan persekitaran rumah dan pengubahsuaian rumah mengikut keperluan OKU dan warga emas, melalui Skim Ceria Negeri Selangor.	30 penerima manfaat setahun	50 penerima manfaat setahun	LPHS UPEN Pejabat Daerah PKM

Objektif 3.4	Mewujudkan laluan kerjaya yang diiktiraf dan berkualiti bagi pekerja penjaga (Care Worker) melalui pensijilan.			
Strategi 3.4.1	Memastikan latihan dan pensijilan bersesuaian dengan piawaian perkhidmatan yang tinggi.	Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta		
	Tindakan	Sasaran 2024-2026	Sasaran 2027-2030	Badan Pelaksana & Sokongan
3.4.1.1	Menaja peserta dari Negeri Selangor yang berminat (biasiswa/dermasiswa) menjalani latihan NOSS dan Sijil Kemahiran Malaysia berkaitan Ekonomi Penjagaan di mana-mana pusat latihan SKM Negeri Selangor sedia ada.	50 orang penerima biasiswa	50 orang penerima biasiswa  50% penerima kekal bekerja dalam sektor EP	JTKS, Qudrat Medicare, Meatech Creative Academy, Schwin College, Perkasa Skills Institute, Angsana Connect, Pusat Giat Mara, PBM Academy, My Business Academy
3.4.1.2	Menambah bilangan Pusat Bertauliah menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)) serta program berakreditasi peringkat ijazah dan profesional.	2 pusat bertauliah baharu atau program diploma/ijazah berkaitan	2 pusat bertauliah baharu atau program diploma/ijazah berkaitan	UNISEL STDC JPK NGO atau syarikat tempatan dan antara-bangsa
3.4.1.3	Mengenal pasti dan memudahcara penempatan tenaga kerja terlatih ( <i>job fair, job matching</i> ) di syarikat yang menawarkan khidmat Ekonomi Penjagaan.	Selangor Care Economy Summit setahun sekali	Selangor Care Economy Summit setahun sekali	InvestSelangor Jobcoach JKM, Malaysia Independent Living Association For Disabled (MILAD), Selangor Child Nurseries Association, Permata Pintar, Permata Kurnia, Persatuan KENDANA, Persatuan Caregiver Malaysia, Persatuan Pengusaha Pusat Jagaan Warga Emas

Objektif 3.5		Menjaga kebajikan penjaga tidak formal.		
Strategi 3.5.1		Memastikan sokongan emosi, fizikal dan kewangan diperolehi penjaga jangka panjang berbayar (seperti Pengasuh di rumah dll) dan penjaga tidak berbayar (ahli keluarga).		Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri
	Tindakan	Sasaran 2024-2026	Sasaran 2027-2030	Badan Pelaksana & Sokongan
3.5.1.1	Menggalakkan dan membantu pendaftaran penjaga ke dalam skim I-Suri dan I-sayang di bawah KWSP and Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah di bawah Perkeso.	100 pendaftaran baru setahun	200 pendaftaran baru setahun	PKM Perkeso KWSP
3.5.1.2	Memperluas elaun bantuan berkaitan penjagaan kanak-kanak, warga emas dan OKU sedia ada kepada penjagaan separuh hari, harian atau jangka pendek (termasuk 'playgroup centres').	200 penerima baru setahun	200 penerima baru setahun	Selcare Management Jabatan Anis YAWAS JKM rePlay
3.5.1.3	Menggalakkan penubuhan kumpulan sokongan dalam talian untuk penjaga pesakit di rumah.	3 kumpulan	4 kumpulan	WBS Media Selangor, Persatuan Surirumah Selangor, MAKPEM, Persatuan Kaunseling Malaysia, Persatuan Psikologi Malaysia

## Teras 4: PELABURAN & KERJASAMA

<b>Objektif 4.1</b>	Pengagihan semula ( <i>Redistribution</i> ) kerja penjagaan sebagai tanggungjawab yang dikongsi antara kerajaan dan pihak swasta.			
<b>Strategi 4.1.1</b>	Meningkatkan bilangan usahawan dan syarikat yang melabur di dalam Ekonomi Penjagaan dari PKS ke syarikat antarabangsa.	Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta, Bank-bank		
	Tindakan	Sasaran 2024-2026	Sasaran 2027-2030	Badan Pelaksana & Sokongan
<b>4.1.1.1</b>	Memberi keutamaan kepada usahawan Ekonomi Penjagaan untuk memperolehi pembiayaan dan latihan/ <i>'mentorship'</i> melalui skim usahawan sedia ada (seperti: Selangor Innovation Fund, Selangor Accelerator Programme, Skim Hijrah Selangor, Dana Usahawan Mikro Selangor dan skim pembiayaan PKS perbankan, skim geran usahawan sosial ( <i>social entrepreneurship</i> ), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tekun Malaysia, dan <i>'blended finance'</i> seperti i-Tekad di pelbagai bank).	20 usahawan Ekonomi Penjagaan dari setiap program	30 usahawan Ekonomi Penjagaan dari setiap program	PNSB SIDEK UPEN Hijrah Selangor SME Bank BPMB Bank Islam MARA SME Corp AIM TEKUN
<b>4.1.1.2</b>	Memberi insentif kepada pelabur/pengusaha melalui potongan cukai tanah atau cukai taksiran, diskaun utiliti air, diskaun pajakan tanah (beserta kaveat tertentu); di samping Elaun Cukai Pelaburan Kerajaan Persekutuan ke atas perbelanjaan modal yang layak yang ditanggung dalam tempoh 5 tahun untuk projek baru yang diluluskan bagi pusat perubatan dan penjagaan kesihatan swasta yang diiktiraf mengikut piawaian antarabangsa.	5 syarikat terlibat	15 syarikat terlibat	UPEN Invest Selangor MIDA MBI PBT PTGS
<b>4.1.1.3</b>	Meletakkan Ekonomi Penjagaan sebagai salah satu kluster utama pelaburan ( <i>investment core cluster</i> ) untuk menarik minat syarikat perkhidmatan dan pembuatan melabur di Selangor, ke arah menjadikan Negeri Selangor hub Ekonomi Penjagaan global di samping menguatkan impak sosial pelaburan melalui format <i>foreign direct investment</i> (FDI), <i>venture capital</i> , <i>angel investor</i> , zakat dan waqaf.	Kertas kajian dan cadangan Ekonomi Penjagaan	Fasa Perlaksanaan cadangan	Invest Selangor MIDA MBI PKNS Selgate Healthcare

Objektif 4.2 Menggalakkan konsep tanggungjawab bersama bagi menghadapi beban penjagaan masa depan.				
Strategi 4.2.1 Membina jalinan kerjasama antara pelbagai pihak sebagai menggalakkan peranan pro-aktif dan komited kepada tujuan dan solusi penjagaan.				Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta, Bank-bank
	Tindakan	Sasaran 2024-2026	Sasaran 2027-2030	Badan Pelaksana & Sokongan
4.2.1.1	<p>Mewujudkan Tabung Ehsan Penjagaan yang berasaskan konsep ‘<i>crowdfunding</i>’, ‘<i>corporate philanthropy</i>’ bagi menjana sumber kewangan tambahan untuk program Kerajaan Negeri yang membantu eko-sistem penjagaan di Negeri Selangor.</p> <p>Contoh program sedia ada yang boleh mendapat manfaat dari tabung ini ialah SMUE dan SMIS, ISS, BSS, Anak Selangor Sihat, Selangor Mental Sihat, Rawatan Tuberculosis, Skim Kesihatan Wanita Selangor, Asuh Pintar, Tunas dan Anis.</p>	100 penerima (Warga emas atau individu OKU dari isi rumah berpendapatan rendah di Negeri Selangor)	300 penerima (Warga emas atau individu OKU dari isi rumah berpendapatan rendah di Negeri Selangor)	Yayasan Selgate YAWAS JKM UPEN Bank/platform pilihan untuk crowdfunding, Media Selangor
4.2.1.2	Memperkenalkan skim Perlindungan takaful am keluarga untuk individu OKU dan warga emas dari isirumah berpendapatan rendah yang mempunyai rider untuk penjagaan jangka panjang ( <i>Long-term care</i> ) atau pun rider penyakit kritikal ( <i>critical illness</i> ).	Proses rundingan dengan Rakan Kongsi Takaful sedia ada atau yang baru	Perlaksanaan Skim Perlindungan Keluarga tersebut untuk isi rumah yang layak	UPEN Selgate Healthcare MBI
4.2.1.3	<p>Melancarkan program <i>Care City Partner</i> program di mana organisasi dan syarikat swasta secara sukarela menaja atau melaksanakan inisiatif Ekonomi Penjagaan dalam komuniti atau program “anak angkat” pusat jagaan.</p> <p>Pengiktirafan khusus oleh Kerajaan Negeri Selangor boleh diberikan melalui naratif ESG dan penghargaan di Hari Ekonomi Penjagaan Inklusif (HEPI).</p>	5 syarikat swasta yang berdaftar dan mempunyai rancangan pelaksanaan	25 syarikat swasta yang berdaftar dan mempunyai rancangan pelaksanaan	PBT MBI MIDA Invest Selangor UPEN
4.2.1.4	Menggalakkan anak syarikat agensi Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat swasta beroperasi di Selangor memperkenalkan cuti penjagaan ( <i>paid care leave</i> ) secara sukarela sekurang-kurangnya untuk 14 hari setahun, bagi tujuan menjaga anak atau ibu bapa yang sakit dan/atau ‘ <i>flexible working arrangement</i> ’ (mengikut kesesuaian).	15 Agensi atau syarikat swasta	75 Agensi atau syarikat swasta	MBI MIDA Invest Selangor UPEN



<b>Objektif 4.3</b>	<b>Menambahkan bilangan Pusat Jagaan/ TASKA di kawasan mempunyai jurang permintaan Ekonomi Penjagaan.</b>			
<b>Strategi 4.3.1</b>	<b>Mengurangkan kos latihan dan modal bagi pengendali Pusat Jagaan/TASKA di kawasan berkenaan.</b>	<b>Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri</b>		
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>	<b>Badan Pelaksana &amp; Sokongan</b>
<b>4.3.1.1</b>	Memberi geran (30% dari yuran kursus KAP, Cikgu Anis dan lain-lain kursus yang diterima) untuk mengurangkan kos latihan kakitangan.	50 pengasuh/ guru yang layak	100 pengasuh/ guru yang layak	YAWAS JKM Persatuan Taska
<b>4.3.1.2</b>	Menambah peruntukan dana Didik Anis kepada Institusi Pendidikan Anak Istimewa (EIP) bagi membantu meningkatkan kesedaran komuniti tentang penjagaan dan memulakan Pusat Anis Bergerak di daerah yang tidak mempunyai Pusat Anis.	5 Institusi Pendidikan Anak Istimewa	15 Institusi Pendidikan Anak Istimewa	JKM YAWAS ANIS Persatuan Taska

## Teras 5: INOVASI, TEKNOLOGI & DATA

<b>Objektif 5.1</b>	Meningkatkan kecekapan, akses dan sasaran bagi penyampaian perkhidmatan dalam Ekonomi Penjagaan.			
<b>Strategi 5.1.1</b>	Meningkatkan pemerolehan dan analisis data untuk penghasilan keputusan dasar yang lebih holistik dan bersesuaian dengan polisi berkala kontemporari.	Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta		
	Tindakan	Sasaran 2024-2026	Sasaran 2027-2030	Badan Pelaksana & Sokongan
<b>5.1.1.1</b>	<p>Pembangunan Portal Analitikal, Eksplorasi &amp; Pemerhatian dan 'features release' yang bersesuaian mengikut keperluan semasa</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan penerimgunaan (adoption) Portal Analitikal, Eksplorasi &amp; Pemerhatian oleh segmen sasaran dan agensi terlibat</li> <li>Penyediaan Laporan berkala status sosioekonomi isi rumah yang diberi insentif menggunakan respons dari survey pengguna oleh pengurus skim bantuan yang menjalankan soal selidik secara berkala.</li> <li>Pembangunan repositori berpusat untuk status sosioekonomi yang boleh diakses oleh agensi Kerajaan Negeri atau Persekutuan dan penyelidik.</li> </ol>	<p>Prototaip <b>Portal 1.0</b> :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>6 sumber data</li> <li>Papan Pemuka : Taburan Populasi Sasaran &amp; Perkhidmatan</li> <li>Analisa Deskriptif 'Multivariate'</li> <li>'User Access Control': agensi Kerajaan, Organisasi, Penyedia Perkhidmatan</li> <li>AI – Assistant (PortalBot)</li> </ul> <p>3 bengkel setahun (berlainan modul)</p> <p>50 % Penyempurnaan dan sekurang-kurangnya 9 pengguna repositori</p>	<p><b>Portal 2.0:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>10 sumber data</li> <li>Papan Pemuka &amp; Analisa : 'Individual Risk Profiling, Needs-Analysis, &amp; Financial Implications' (estimated Care Cost)</li> <li>User Access Control: Agensi Kerajaan, Organisasi, Penyedia Perkhidmatan, Orang Awam bagi 'Individual Risk Profiling &amp; Estimated Care Cost'</li> <li>AI – Assistant (PortalBot): RAG (AI learning from internal data)</li> </ul> <p>3 bengkel setahun (berlainan modul)</p> <p>100 %</p> <p>Penyempurnaan dan sekurang-kurangnya 9 pengguna repositori</p>	<p>WBS</p> <p>Syarikat swasta</p> <p>JKM</p> <p>PADU</p> <p>SELCARE</p> <p>YAWAS</p> <p>Hayat</p>

Strategi 5.1.2		Pembangunan Platform Padanan Perkhidmatan ( <i>Service Matching Platform</i> ) – Pemasaran Digital.		Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta
Tindakan		Sasaran 2024-2026	Sasaran 2027-2030	Badan Pelaksana & Sokongan
5.1.2.1	Memberi insentif atau geran permulaan kepada institusi membangunkan ‘ <i>Service-Matching</i> ’ platform dan <b>Pemasaran Digital</b> , yang mempunyai platform/ruang laporan awam ( <i>Crowdsourcing Reporting</i> ) serta mempromosi penggunaan platform <b>Pemasaran Digital</b> kepada masyarakat dan Penyedia perkhidmatan (untuk meningkatkan bilangan pengguna, jenis dan lingkungan perkhidmatan disediakan dan kategori penyedia perkhidmatan)	Tahap kesediaan platform 30% (fasa rintis)  3 bengkel setahun (berlainan modul)  • Agensi Kerajaan • Organisasi • Penyedia Perkhidmatan	Tahap kesediaan platform 100%  Penggunaan dalam proses kerja  • 6 Agensi Kerajaan • 3 Organisasi • 50 Penyedia Perkhidmatan	WBS Syarikat swasta JKM PADU SELCARE YAWAS, SelangorInvest PLATS Dewan Perniagaan

Objektif 5.2				
Menggalakkan Autonomi, mitigasi risiko & kemandirian melalui Teknologi dalam Penjagaan.				
Strategi 5.2.1		Literasi digital bagi golongan penjaga, penyedia perkhidmatan penjagaan dan segmen sasaran Ekonomi Penjagaan.		Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri
Tindakan		Sasaran 2024-2026	Sasaran 2027-2030	Badan Pelaksana & Sokongan
5.2.1.1	Menggalakkan penggunaan teknologi pencegahan/mitigasi risiko di pusat jagaan/TASKA.	30 pusat jagaan/TASKA	100 pusat jagaan/TASKA	JKM PBT Rakan Digital Selangor
5.2.1.2	Memastikan aplikasi digital yang dikelola oleh Kerajaan Negeri dan agensi adalah mesra-OKU iaitu mempunyai <i>enhanced accessibility function</i> .	50% bilangan aplikasi digital ( <i>web/mobile</i> )	100% bilangan aplikasi digital ( <i>web/mobile</i> )	WBS Rakan Digital Selangor

<b>Objektif 5.3</b>	<b>Memacu pengeluaran dan penggunaan produk peranti bantuan penjagaan (assistive devices) yang berkualiti dan mampu-milik.</b>			
<b>Strategi 5.3.1</b>	<b>Menyediakan program dan insentif Inovasi untuk Pembangunan, Reka Bentuk, Pembuatan dan Penggunaan Peranti Bantuan penjagaan.</b>		<b>Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta, MOSTI</b>	
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>	<b>Badan Pelaksana &amp; Sokongan</b>
<b>5.3.1.1</b>	<p>Memperkenalkan siri Sandbox Inovasi dan Teknologi Ekonomi Penjagaan Negeri (SITEP) Selangor sebagai kemudahan yang membolehkan penyelidik, penginovasi, syarikat pemula dan usahawan untuk menguji produk, perkhidmatan, model perniagaan dan mekanisme penyampaian dalam persekitaran secara langsung.</p> <p>Skop SITEP: Penciptaan, penambahbaikan, pembuatan atau pengilangan peranti bantuan penjagaan yang berkualiti dan mampu-milik keluaran tempatan oleh syarikat swasta dan institusi penyelidikan.</p>	<p>Penyediaan Kertas Cadangan &amp; Garis panduan</p> <p>Siri pertama dilancarkan pada 2025</p>	Satu siri SITEP setiap 2 tahun	<p>MBI</p> <p>SelangorInvest</p> <p>MRANTI</p> <p>MOSTI-SRF</p> <p>SIDEC</p> <p>MTDC</p> <p>MBI</p> <p>MIDA Selangor</p> <p>Universiti/Politeknik</p>
<b>Strategi 5.3.2</b>	<b>Menggalakkan penggunaan Peranti Bantuan penjagaan di setiap peringkat dan segmen Ekonomi Penjagaan.</b>		<b>Sumber Kewangan: Kerajaan Negeri, Tajaan Swasta</b>	
	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran 2024-2026</b>	<b>Sasaran 2027-2030</b>	<b>Badan Pelaksana &amp; Sokongan</b>
<b>5.3.2.1</b>	Insentif penerimgunaan peranti bantuan penjagaan di kalangan institusi/pusat jagaan, komuniti dan isi rumah.	5 institusi/pusat jagaan atau pusat komuniti	5 institusi/pusat jagaan atau pusat komuniti	JKM PAWE PKM
<b>5.3.2.2</b>	Memudahkan pengguna untuk memperoleh peranti bantuan melalui skim sewa-beli/'lease-to-buy', penyewaan/'device rental', kitar semula/'recycling', baik pulih peranti.	5 Penyedia perkhidmatan	10 Penyedia perkhidmatan	WBS Syarikat Swasta SelangorInvest Industri

# Pendigitalan Ekonomi Penjagaan

AI  
ARTIFICIAL INTELLIGENCE

## 4.1. Data Ekonomi Penjagaan

Ekonomi Penjagaan meliputi pelbagai perkhidmatan dan aktiviti, yang menyokong kesejahteraan individu dan komuniti. Di Malaysia, keperluan bagi menggembeng Ekonomi Penjagaan semakin mendapat perhatian kerana perubahan corak demografi seperti pertambahan populasi warga emas, perubahan struktur keluarga dan sokongan sosial, sebagaimana yang turut dihadapi di negara-negara maju dan membangun yang lain.

Penggunaan data dalam pembangunan rangka kerja Ekonomi Penjagaan yang berkesan adalah kritikal. Pendekatan berasaskan data dapat meningkatkan pemahaman, perancangan, dan penyampaian perkhidmatan penjagaan secara signifikan, memastikan ia memenuhi keperluan populasi dengan cekap dan efektif.

### **Amalan Terbaik Penggunaan Data dalam Pembangunan Kerangka Polisi**

Melalui kajian lanskap global, amalan terbaik dalam pembentukan dasar berasaskan data untuk Ekonomi Penjagaan menekankan kepentingan pengumpulan data menyeluruh, integrasi pelbagai sumber data, analitik lanjutan, penglibatan pihak berkepentingan, dan penilaian dasar secara berkala. Pendekatan ini membantu mencipta sistem penjagaan yang lebih responsif, efisien, dan berkesan yang dapat menyesuaikan diri dengan perubahan demografi dan keperluan penjagaan.

Skop Penggunaan Data	Contoh Amalan Terbaik
1. Pengumpulan Data Menyeluruh	Belanda menggunakan pendaftaran penjagaan kesihatan dan sosial yang luas untuk mengumpul data terperinci, yang kemudian dianalisis untuk mengenal pasti keperluan penjagaan pada tahap individu dan komuniti.
2. Integrasi Pelbagai Sumber Data	Di Singapura, kerangka integrasi data mengkonsolidasikan maklumat dari penjagaan kesihatan, kebajikan sosial, dan entiti sektor swasta untuk membolehkan pemahaman menyeluruh dan intervensi penjagaan yang disasarkan.
3. Penggunaan Analisa Data Raya ( <i>Big Data Analytics</i> ) dan Kecerdasan Buatan ( <i>Artificial Intelligence</i> )	Kanada menggunakan model pembelajaran mesin untuk meramalkan trend kesihatan penduduk dan permintaan penjagaan, terutama bagi populasi yang menua.
4. Ketelusan dan Aksesibiliti Sumber Data	Perkhidmatan Kesihatan Nasional (NHS) di United Kingdom menerbitkan data luas tentang kualiti penjagaan dan ketersediaan perkhidmatan, yang boleh diakses oleh orang ramai, mendorong ketelusan dan membolehkan perbincangan komuniti yang berinformasi tentang dasar penjagaan.
5. Penilaian dan Penyesuaian Dasar Secara Berkala	Australia menjalankan ulasan dwitahunan sistem penjagaan warga emasnya, menggunakan analitik data empirical untuk menilai impak dasar yang dilaksanakan dan membimbing penyesuaian masa depan.
6. Privasi dan Keselamatan dalam Pengendalian Data	Jerman menguatkuasakan peraturan perlindungan data yang ketat dalam sektor kesihatan dan penjagaannya, menggunakan teknik penyulitan dan penganoniman terkini untuk mengamankan data yang digunakan dalam pembentukan dasar.

## Peranan Data Bagi Pembangunan Kerangka Dasar Ekonomi Penjagaan Selangor

Bagi tujuan DEPNS dan pembangunan jangka panjang Ekonomi Penjagaan di Negeri Selangor, 6 peranan utama data harus disokong dan diberi perhatian utama.



### Peranan Data bagi DEPNS

#### 1. Mengetahui Keperluan dan Permintaan

Analisa data demografi, statistik kesihatan, dan indikator sosioekonomi membolehkan pihak berkepentingan mengetahui jenis dan saiz jurang khidmat jagaan yang diperlukan. Memahami keperluan ini membolehkan intervensi dan pengagihan sumber yang lebih tepat.

#### 2. Agihan sumber dan perancangan

Data mengenai penggunaan perkhidmatan penjagaan semasa, ketersediaan tenaga kerja, dan kapasiti kemudahan membantu dalam membuat keputusan yang berinformasi mengenai tempat untuk melabur dan bagaimana untuk mengagihkan sumber.

(Contoh: Pemetaan analitikal dapat memetakan kawasan dengan permintaan tinggi untuk perkhidmatan penjagaan tetapi kekurangan perkhidmatan, membimbing pembangunan kemudahan penjagaan baru di kawasan yang kurang mendapat perhatian.)

#### 3. Pemantauan dan penilaian

Indikator prestasi utama (KPI) dan metrik, seperti kepuasan pesakit, kadar penggunaan perkhidmatan, dan hasil kesihatan, memberikan maklum balas berharga untuk meningkatkan penyampaian penjagaan. Pendekatan berasaskan data ini membolehkan pengurusan adaptif, di mana strategi dapat disesuaikan berdasarkan pandangan masa nyata dan tren prestasi.



#### 4. Peningkatan akses dan keterangkuman (*inclusivity*)

Data dapat membantu dalam mengenal pasti dan menangani halangan aksesibiliti dan keterangkuman dalam Ekonomi Penjagaan. Dengan menganalisis data mengenai ketidaksamaan sosioekonomi, aksesibiliti geografi, dan kemampuan perkhidmatan, pembuat dasar dapat membangunkan strategi untuk menjadikan perkhidmatan penjagaan lebih mudah diakses oleh semua segmen populasi, termasuk kumpulan terpinggir dan berpendapatan rendah. Sebagai contoh, program subsidi dan perkhidmatan pengangkutan dapat disesuaikan berdasarkan dapatan data untuk memastikan akses yang adil kepada penjagaan.

#### 5. Mengenal pasti titik integrasi bagi inovasi dan teknologi

Analitik data, kecerdasan buatan (AI), dan teknologi *Internet of Things* (IoT) dapat meningkatkan penyampaian penjagaan melalui analitik ramalan, pemantauan jarak jauh, dan pelan penjagaan yang diperibadikan. Sebagai contoh, data daripada peranti kesihatan yang boleh dipakai dapat menyediakan pemantauan kesihatan masa nyata untuk warga emas, membolehkan intervensi proaktif dan mengurangkan kemasukan ke hospital. Mengintegrasikan teknologi sebegini memerlukan infrastruktur data yang kukuh untuk mengumpul, menyimpan, dan menganalisis sejumlah besar data yang dihasilkan.

#### 6. Advokasi & pengubahsuaian polisi

Pembuat dasar dapat menggunakan data untuk mengadvokasi pembaharuan yang diperlukan, pembiayaan, dan sokongan daripada pihak berkepentingan. Sebagai contoh, data mengenai impak ekonomi Ekonomi Penjagaan, seperti penciptaan pekerjaan dan sumbangan kepada KDNK, dapat menguatkan kes untuk peningkatan pelaburan dalam perkhidmatan penjagaan. Selain itu, advokasi berasaskan data dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan Ekonomi Penjagaan dan menggerakkan sokongan daripada sektor awam dan swasta.



# Peranan Data

## Bagi Pembangunan Dasar Ekonomi Penjagaan



**1** Mengenalpasti keperluan dan permintaan



**2** Agihan sumber dan perancangan



**3** Pemantauan dan penilaian



**4** Peningkatan akses dan inklusiviti



**5** Mengenalpasti titik integrasi bagi inovasi dan teknologi



**6** Pemantauan dan penilaian

Kesimpulannya, data adalah asas untuk membangunkan rangka kerja Ekonomi Penjagaan yang kukuh dan bersepadu. Data memudahkan pengenalpastian keperluan, pengagihan sumber yang efisien, pemantauan berkesan, dan peningkatan aksesibiliti dan keterangkuman. Selain itu, data menyokong integrasi teknologi

dan memberi maklumat kepada pembangunan polisi dan usaha advokasi. Dengan memanfaatkan data, Malaysia dapat membina Ekonomi Penjagaan yang responsif, lestari, dan mampu memenuhi pelbagai keperluan populasinya, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan dan ketahanan masyarakat.

## Sumber Data

Papan pemuka untuk Pembangunan Kerangka Ekonomi Penjagaan bagi negeri Selangor menggabungkan pelbagai sumber data untuk memberikan pandangan yang komprehensif tentang maklumat demografi dan perkhidmatan. Sejumlah 6 kategori utama data, merangkumi hampir 1.3 juta data points digunakan bagi menghasilkan analisa lanskap bagi pembangunan DEPNS.:



## Sumber Data

### Bagi Kerangka Ekonomi Penjagaan Selangor



Jabatan Perangkaan  
MALAYSIA

- 1** Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



- 3** Sumber Data terbuka dan langganan bagi fasiliti



- 5** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)



- 2** Portal Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor



- 4** Sumber Data Terbuka dan langganan bagi perkhidmatan



- 6** Data-data dalam dari ahli Kumpulan Penyelidik

## Struktur Data

### A) PERMINTAAN : Populasi Sasaran di Selangor

Data Populasi:

- ▶ Kanak-kanak & Warga Emas: Data populasi mengikut daerah, diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Ini termasuk statistik terperinci mengenai populasi kanak-kanak dan warga emas di pelbagai daerah di Selangor. [Data Populasi DOSM](#).
- ▶ Orang Kurang Upaya (OKU): Maklumat mengenai populasi orang kurang upaya yang berdaftar mengikut daerah, diperoleh daripada Portal DUN Selangor. [Data Portal DUN Selangor](#).

### B) PENAWARAN : Kemudahan dan Perkhidmatan

Titik Minat (*Point-of-Interest* - POI):

- ▶ Pangkalan data ini mengandungi data mengenai 254,005 Titik Minat (POI) yang berdaftar dari Pangkalan Data SELANGKAH. POI ini merangkumi pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan Ekonomi Penjagaan, seperti pusat kesihatan, institusi pendidikan, dan perkhidmatan penting lain.
- ▶ ‘*Spreadsheet*’ ini mengandungi data mengenai titik minat (POI) dengan maklumat berikut bagi setiap entri:
  - » Nama: Mengenal pasti nama kemudahan atau lokasi, seperti

“P&P Telecommunication,” “Pantai Morib,” dan “Menara Solstice Management Office.”

- » Kategori Utama: Menunjukkan kategori utama bagi setiap POI, terutamanya disenaraikan sebagai ‘*Accommodation*’ untuk entri awal.
- » Sub-Kategori A: Memberikan klasifikasi sekunder, yang merangkumi jenis-jenis seperti ‘*3S Sales*,’ ‘*Beaches*,’ ‘*Building*,’ dan ‘*Care Center*.’
- » Sub-Kategori B: Menawarkan pecahan lanjut atau klasifikasi khusus seperti “Digi,” “Others,” dan “Old Folks Home.”
- » Lat (*Latitude*) dan Lng (*Longitude*): Koordinat geografi yang menentukan lokasi setiap POI, yang penting untuk pemetaan dan analisis geografi.
- » Alamat: Alamat terperinci bagi setiap POI, yang membantu dalam pengesahan fizikal atau lawatan.
- » Dataset ini bertujuan untuk menyediakan pandangan berstruktur mengenai kemudahan-kemudahan dalam pelbagai kategori, yang boleh berguna untuk perancangan, peruntukan sumber, atau analisis serantau. Penyertaan data geografi juga membolehkan analisis spatial, seperti mengenal pasti kelompok jenis perkhidmatan tertentu atau kekurangan dalam penyediaan perkhidmatan.

Dengan mengintegrasikan pelbagai sumber data ini, papan pemuka menyediakan platform yang terperinci dan interaktif untuk memahami taburan populasi sasaran dan ketersediaan perkhidmatan serta kemudahan yang

relevan di Selangor. Ini membantu dalam perancangan dan peruntukan sumber yang lebih baik untuk memenuhi keperluan kumpulan demografi yang berbeza, termasuk kanak-kanak, warga emas, dan individu yang kurang upaya.

## 4.2. Portal Analitikal, Eksplorasi & Pemerhatian

Papan pemuka (*Dashboard*) dibangunkan di dalam Portal Analitikal, Eksplorasi & Pemerhatian bagi membolehkan data-data yang dianalisa digubal ke dalam bentuk yang komprehensif, intuitif, mudah diterjemah dan interaktif bagi penggubal dasar dan pemegang taruh lainnya.

### Platform Pemetaan Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor

Papan pemuka (dashboard) ini memaparkan taburan **Demands (Permintaan)** dan **Supply (Penawaran)** dalam konteks kerangka kerja Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor.

Demands ditakrifkan melalui 3 golongan sasaran utama: **Warga Emas, Kanak-Kanak, dan OKU**. Taburan ini distratifikasikan mengikut daerah.

Supply merujuk kepada semua jenis kemudahan serta perkhidmatan yang relevan. Indeks ini dibahagikan mengikut **kategori utama, dan 2 sub-kategori** selanjutnya bagi memudahkan navigasi pengguna.

Papan pemuka ini dibangunkan dari sumber **DOSM, Portal DUN Selangor dan pangkalan data Selangkah**.

#### Kemudahan dan Perkhidmatan


Kategori Utama      Sub-Kategori A      Sub-Kategori B

Jenis Taburan Penduduk

Warga Emas	Kanak-Kanak	Orang Kurang Upaya (OKU)
------------	-------------	--------------------------

Pemetaan permintaan dan penawaran Ekonomi Penjagaan boleh dilihat di pautan sementara: <https://ekonomi-penjagaan.myhayat.life/>.



Portal Analitikal, Eksplorasi & Pemerhatian

Papan pemuka Ekonomi Penjagaan ini (dan bergantung kepada data yang dimasukkan), boleh digunakan untuk:

**1. Pengagihan Geografi:**

Gradasi warna pada peta dari terang ke gelap menunjukkan kepadatan kumpulan sasar Ekonomi Penjagaan (warga emas, OKU dan kanak-kanak). Alat visual ini membantu mengenal pasti kawasan dengan keperluan perkhidmatan penjagaan yang lebih tinggi.



**2. Permintaan dan Penawaran:**

Papan pemuka ini mengkategorikan permintaan berdasarkan keperluan warga emas dan penawaran berdasarkan perkhidmatan yang tersedia. Ia membolehkan penapisan mengikut kategori seperti TASKA atau pusat jagaan dan sebagainya.



**3. Interaktiviti:** Pengguna boleh berinteraksi dengan papan pemuka untuk menapis kategori dan sub-kategori tertentu, membantu mengenal pasti keperluan perkhidmatan yang tepat di pelbagai kawasan.



**Analisa Deskriptif & Dapatan Semasa**

- ▶ Golongan warga emas paling padat di daerah Petaling (sejumlah 281, 300), diikuti oleh Ulu Langat (168, 900) Klang (130, 600) dan Gombak (105, 600). Daerah paling kurang warga emas adalah daerah Sabak Bernam.
- ▶ Jika dilihat pada taburan ‘Supply’, rumah jagaan bagi warga emas seperti ‘Old Folks Home’ dan ‘Nursing Care’ lebih banyak tertumpu pada daerah Petaling dan Ulu Langat. Ini berpadanan dengan jumlah kepadatan warga emas yang lebih banyak tertumpu di daerah-daerah ini.
- ▶ Pusat perkhidmatan yang lebih banyak tertumpu di daerah yang padat dengan warga emas menandakan terdapat sejumlah ‘Supply’ yang memberangsangkan bagi memberikan perkhidmatan penjagaan kepada golongan ini.
- ▶ Di Selangor, daerah yang paling padat dengan kanak-kanak adalah daerah Petaling dengan jumlah 630,700 orang. Pusat jagaan/pendidikan kanak-kanak termasuklah pra-sekolah dan nurseri pula (Supply) didapati paling banyak dibuka di daerah Petaling, dimana penduduk kanak-kanak paling padat. Ini seiring dengan kepadatan golongan fokus di daerah ini.


► Perbandingan menarik dapat dilihat pada taburan golongan ini. Data pada papan pemuka menunjukkan kepadatan golongan OKU hampir sama banyak di dua daerah iaitu Ulu Langat dan Klang dengan jumlah masing-masing adalah 17, 881 dan 17, 784 dan diikuti oleh daerah Gombak iaitu seramai 13, 071. Taburan pusat

perkhidmatan ini adalah sangat sedikit berbanding dua golongan sebelum ini. Hanya tiga (3) pusat perkhidmatan penjagaan ditemui di daerah Ulu Langat dimana golongan OKU paling ramai bermaustautin dan kurang dari sepuluh (10) pusat perkhidmatan ditemui di daerah Klang.

### Analisa dapatan semasa melalui penggunaan teknologi *Generative-AI*.

Adalah dijangkakan beban kerja penyelidikan berterusan bagi penggubal dasar akan semakin bertambah, memandangkan pertambahan jumlah data raya yang perlu dianalisa dari masa ke semasa, dan keperluan untuk menjalankan Analisa multivariasi (*multivariate analysis*) bagi membolehkan penyesuaian polisi.

Kecerdasan Buatan Generatif mempunyai potensi untuk mengubah pembuatan dasar dengan menyediakan Analisa Dapatan yang lebih mendalam, meramalkan kesan masa depan, dan membolehkan ujian senario hipotetikal dijalankan secara kos-efektif. Seiring dengan perkembangan teknologi ini, integrasinya ke dalam proses pembuatan



Rajah 8.4 – Portal Analitikal, Eksplorasi & Pemerhatian dilengkapi Teknologi Gen-AI bagi Analisa Dapatan (*Insights Analysis*)

dasar boleh menyebabkan dasar-dasar yang lebih bermaklumat, efektif, dan mudah diubah suai yang lebih baik melayani masyarakat dan mengatasi cabaran masyarakat yang kompleks.

Bagi penggubal DEPNS, sebuah Kecerdasan Buatan Generatif yang

ditermakan sebagai PortalBot akan dibangunkan khusus bagi tujuan Analisa Dapatan Dasar ini, dan diintegrasikan bersama ke dalam Portal Analitikal, Eksplorasi & Pemerhatian. Perincian lebih lanjut berkenaan PortalBot akan dikupas melalui Bab 9 – Program Mercu.

### 4.3. Adaptasi Teknologi & Inovasi : PortalBot – Gen-AI Chatbot

Kecerdasan Buatan Generatif mempunyai potensi untuk mengubah pembuatan dasar dengan menyediakan Analisa Dapatan yang lebih mendalam, meramalkan kesan masa depan, dan membolehkan ujian senario hipotetikal dijalankan secara kos-efektif. Seiring dengan perkembangan teknologi ini, integrasinya ke dalam proses pembuatan dasar boleh menyebabkan dasar-dasar yang lebih bermaklumat, efektif, dan mudah diubah suai yang lebih baik melayani masyarakat dan mengatasi cabaran masyarakat yang kompleks.

Bagi penggubal DEPNS, sebuah Kecerdasan Buatan Generatif yang ditermakan sebagai PortalBot akan dibangunkan khusus bagi tujuan Analisa Dapatan Dasar ini, dan diintegrasikan bersama ke dalam Portal Analitikal, Eksplorasi & Pemerhatian.

PortalBot ialah sebuah perisian perbualan yang berkomunikasi dalam bahasa semula jadi secara bertulis. Secara asasnya PortalBot merupakan ejen perbualan yang bijak direka melalui Program Komputer berdasarkan Kepintaran buatan (*Artificial Intelligence/ AI*) yang bertugas khusus sebagai konsultan data bagi penggubal polisi.

PortalBot direka untuk membantu dan membolehkan pembaca memahami dengan lebih mendalam tentang kandungan dalam papan pemuka (*dashboard*) pemetaan Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor.

Dengan kecerdasan bot AI ini, pembaca dapat mengakses maklumat yang relevan, menerima penerangan secara terperinci serta mendapat ringkasan maklumat semasa pembaca meneroka data dan visualisasi yang terdapat di dalam papan pemuka.



## Justifikasi Penggunaan Alat Kecerdasan Buatan Generatif untuk Analisa Dapatan Dasar



**1. Kebolehskalaan:** AI boleh menganalisis set data yang lebih besar daripada yang mungkin dilakukan oleh manusia, menyediakan pandangan yang lebih komprehensif tentang kesan dasar potensial dalam pelbagai skenario dan populasi.

**2. Kelajuan:** AI boleh menghasilkan Analisa Dapatan dan memodelkan hasil jauh lebih cepat daripada kaedah penyelidikan tradisional, membolehkan pembuatan keputusan yang tepat pada masanya yang kritikal dalam persekitaran dasar yang dinamik.

**3. Ketepatan:** Dengan kemajuan dalam pembelajaran mesin, model AI boleh mencapai tahap ketepatan yang tinggi dalam ramalan, menjadikannya alat yang boleh dipercayai untuk analisis dasar.

**4. Kos-Efektif:** Walaupun kos penubuhan awal untuk sistem AI mungkin tinggi, seiring waktu mereka boleh mengurangkan kos analisis data dan ujian dasar secara signifikan.

**5. Inovasi:** AI boleh mendedahkan Analisa Dapatan yang tidak intuitif dan penyelesaian inovatif untuk cabaran dasar yang kompleks dengan mengenal pasti corak dan korelasi yang tidak jelas kepada analisis manusia.



## RUJUKAN

Razavi, S. (2007) The political and social economy of care in a development context: conceptual issues, research questions and policy options, Gender and Development Paper no. 3, Geneva : UNRISD.

“How online marketplaces are transforming traditional services models | Deloitte Australia | Consulting,” *Deloitte*, Jun. 27, 2016. <https://www.deloitte.com/au/en/services/consulting/perspectives/how-online-marketplaces-transforming-traditional-services-models.html>

APEC, “Artificial Intelligence in Economic Policymaking,” Asia-Pacific Economic Cooperation, Nov. 2022. [Online]. Available: [https://www.apec.org/docs/default-source/publications/2022/11/artificial-intelligence-in-economic-policymaking/222\\_psu\\_artificial-intelligence-in-economic-policymaking.pdf](https://www.apec.org/docs/default-source/publications/2022/11/artificial-intelligence-in-economic-policymaking/222_psu_artificial-intelligence-in-economic-policymaking.pdf)

“New Apps Drive Health Care Innovation, Access to Care,” IEEE, [Online]. Available: <https://ieeexplore.ieee.org/servlet/opac?punumber=5454060>. Accessed on: Sep. 27, 2024.

“Digital Healthcare Industry and Technology Trends,” IEEE, [Online]. Available: <https://ieeexplore.ieee.org/document/9373089>. Accessed on: Sep. 27, 2024.

“A study about current digital assistants for healthcare,” IEEE, [Online]. Available: <https://ieeexplore.ieee.org/document/9211201>. Accessed on: Sep. 27, 2024.

P. Cairney, “The Role of Evidence in the Policy Process: Implications for the Care Economy,” in *Health Research Policy and Systems*, vol. 2022. [Online]. Available: <https://health-policy-systems.biomedcentral.com/articles/10.1186/s12961-022-00800-1>

M. Christensen, “Mapping the use of knowledge in policy making: barriers and facilitators,” in *Policy Sciences*, 2021. [Online]. Available: <https://link.springer.com/article/10.1007/s11077-021-09416-4>

J. Parkhurst and S. Nutley, “The utilisation of health research in policy-making: concepts, examples and methods of assessment,” in *Health Research Policy and Systems*, 2022. [Online]. Available: <https://health-policy-systems.biomedcentral.com/articles/10.1186/s12961-022-00758-0>

T. French, “Evidence-informed health policy making,” in *Systematic Reviews*, vol. 2019. [Online]. Available: <https://systematicreviewsjournal.biomedcentral.com/articles/10.1186/s13643-019-1003-9>



DITERBITKAN OLEH:

JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA,  
KEBAJIKAN MASYARAKAT & EKONOMI PENJAGAAN (CARE ECONOMY)

 TINGKAT 15, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
SEKSYEN 5, 40503 SHAH ALAM, SELANGOR.

 03-61276080 | 03-55447150

 03-55193329

 [anfaalsaari@selangor.gov.my](mailto:anfaalsaari@selangor.gov.my) | [wanitakebajikan.selangor@gmail.com](mailto:wanitakebajikan.selangor@gmail.com)